



5.50

• *anugerah juga* •

*Alimad Boestaman  
Ishak Haji Muhiamad  
Burhanuddin Al-Helmy*

*Bahaman  
Mat Lela  
Tok Janggut*

*Dan lain-lain  
Pejuang serta  
Pecinta Tanahair*



PERPUSTAKAAN NEGARA



1000323271

Penerbit:  
S. Husin Ali  
No. 33, Jalan 22/44  
43600 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Hakcipta:  
S. Husin Ali

Cetak Pertama:  
Januari 1993

D  
301-2595  
HUS

Dicetak oleh Vinlin Press Sdn. Bhd.

D 907206  
Hedish

13 MAY 1997  
Perpustakaan Negara

## **KANDUNGAN**

I	Kontroversi	1
II	Raja dan Feudal	15
III	Pertentangan	34
IV	Perbandingan	51
V	Kesimpulan	64
	Lampiran I	73
	Lampiran II	78
	Lampiran III	89

## PRAKATA

**M**asalah raja-raja Melayu dan imunitinya serta pindaan Perlembagaan Malaysia sedang hebat diperkatakan sekarang. Akan tetapi, manakala media massa yang dikuasai atau dipengaruhi pemerintah memberikan ruang sepenuhnya kepada pucuk pimpinan mereka, pandangan yang bertentangan dikeluarkan secara pilih-pilih ataupun dilenyapkan sama sekali.

Seterusnya, manakala pihak pemerintah bebas mengadakan rapat-rapat umum, pihak luar pemerintah yang menentng pindaan pula tidak dibenarkan, bahkan diugut dengan berbagai-bagi tindakan undang-undang seandainya mereka meneruskan rancangan mereka. Di manakah letaknya amalan demokrasi dan keadilan yang dilaungkan oleh pucuk pimpinan pemerintah? Sepatutnya isu besar ini dibenar untuk dibincangkan dengan luas dan mendalam; semua pandangan, tidak kira yang bersetuju atau tidak hendaklah dibenarkan.

Dalam buku kecil ini saya mengemukakan pendapat sendiri secara seberapa terus terang yang mungkin. Ia cuba memberikan latar belakang sejarah dan susunan masyarakat Malaysia, yang boleh membantu kita memahami isu sekarang dalam konteks yang lebih luas. Semoga ia dapat memberikan sumbangan berguna kepada rakyat ramai untuk memahami isu ini dengan lebih jelas lagi.

Buku ini ditulis dalam tempoh seminggu saja, di antara 5 hingga 12 haribulan Januari 1993. Ia merupakan ulasan politik, bukan karya akademik. Saya berharap ramai akan sempat menatatapinya sebelum Parlimen bersidang pada 18 Januari nanti.

Saya berterima kasih kepada kawan-kawan, khususnya Dr. M.K. Rajakumar dan K.S. Jomo, kerana galakan dan kritikan mereka. Mereka tidak semestinya bersetuju dengan segala pandangan saya. Saya bertanggungjawab ke atas setiap perkataan dan ayat dalam buku ini.

# I

## KONTROVERSI

Pada 10hb Disember 1992 Parlimen telah menempa sejarah. Dewan Rakyat meluluskan dengan sebulat suara usul yang dicadangkan oleh, Encik Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri, mengenai apa yang sekarang dikenali sebagai Peristiwa Bukit Serene. Dalam peristiwa itu dilaporkan bahawa seorang guru di Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB), Johor Bahru, bernama Douglas Gomez telah dipukul oleh Sultan Johor, Sultan Mahmud Iskandar Shah.

Usul yang dibentangkan dalam Parlimen itu berbunyi:

“Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini berasa amat sedih dan memandang serius ke atas insiden seorang rakyat Malaysia, Douglas Gomez, yang telah dicederakan di Istana Johor pada 30 November 1992 oleh DYMM Sultan Johor.

“Dan bahawa Dewan ini memutuskan kejadian tersebut adalah satu penyalahgunaan kuasa yang bercanggah dengan semangat Perlembagaan Malaysia dan bertentangan dengan cita-cita serta hasrat undang-undang negara yang berteraskan kepada sistem Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen.

"Dan bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa segala tindakan yang perlu hendaklah diambil bagi menentukan insiden seumpama ini tidak berulang lagi pada masa hadapan."

Seramai 96 orang anggota Dewan Rakyat hadir dalam sidang hari itu. Mereka terdiri daripada anggota-anggota parti pemerintah dan juga luar pemerintah (atau pembangkang). Setelah dibahaskan, usul ini diterima tanpa seorangpun menentang ataupun berkecuali.

Segera para pemimpin pemerintah dengan gembira mengkokkan bahawa parti-parti pembangkang menyokong mereka. Akan tetapi satu pertanyaan timbul. Mengapakah hanya lebih sedikit daripada separuh anggota Dewan Rakyat yang hadir? Adakah yang tidak hadir itu tidak begitu yakin apa pendirian yang hendak diambil? Atau adakah mereka takut mengambil pendirian yang akan kelak dianggap sebagai menentang raja?

## MEMUKUL

Berbagai-bagi perkara telah berlaku sebelum peristiwa Bukit Serene ini. Sebelum daripadanya, pasukan dari MSAB ditarik keluar secara mengejut daripada peringkat separuh akhir pertandingan hoki antara sekolah-sekolah yang dianjurkan bersama oleh Persatuan Hoki dan Milo. Kononnya tindakan ini diambil atas "arahan daripada pihak tertinggi." Tindakan menarik keluar pasukan MSAB ini dikritik oleh Gomez, selaku jurulatih hoki di maktab itu. Kritiknya disiarkan oleh akhbar. Ekoran daripadanya, beliau dibawa secara paksa oleh beberapa orang pegawai ke Istana Bukit Serene. Di sana, beliau mendakwa dipukul oleh Sultan Johor. Selepas kena pukul beliaupun menarik balik segala kritiknya dan bercuti sakit dari sekolah.

Kebetulan dalam bulan Julai 1992, Tengku Bendahara Johor, Tengku Abdul Majid, telah dituduh memukul dan mencederakan seorang bernama Jaafar, penjaga gol pasukan hoki Perak selepas perlawanan hoki di antara Johor dengan Perak. Pasukan Johor mengalami kekalahan. Kemenangan Perak tercapai apabila penjaga golnya berjaya menyelamatkan pukulan penalti yang dibuat oleh Tengku Majid. Mengikut alasan yang diberikan, kononnya Tengku Majid timbul marah oleh kerana penjaga gol itu menari-nari gembira kerana kejayaannya.

Tindakan Tengku Majid dipandang berat oleh beberapa pihak, kerana walau apapun alasannya beliau tidak berhak memukul dan mencederakan seseorang. Beberapa akhbar menyatakan peristiwa itu secara besar-besaran. Akibatnya, Persatuan Hoki Malaysia membicarakan kes ini dan mengambil keputusan menggantung Tengku Majid selama lima tahun daripada sebarang pertandingan. Mengikut setengah-setengah pihak keputusan inilah yang membuat "pihak tertinggi" (iaitu Sultan Johor sendiri) bertindak balas dengan mengarahkan supaya pasukan MSAB ditarik keluar daripada pertandingan yang dijadualkan berjalan di Johor Bahru itu.

Presiden Persatuan Hoki Malaysia yang menggantung Tengku Majid ialah DYMM Raja Azlan Shah, Yang Di-Pertuan Agong. Khabarnya hubungan di antara Raja Azlan dengan Sultan Johor, Tengku Mahmud Iskandar, tidaklah begitu baik. Ada sejarahnya. Semasa beliau menjadi Tengku Mahkota, Mahmud Iskandar pernah dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan menyebabkan kematian ke atas seorang yang didakwanya penyeludup dadah. Hakim yang membicarakan kes ini waktu itu, Raja Azlan Shah, telah

menjatuhkan hukuman enam bulan penjara ke atas Tengku Mahmud Iskandar. Akan tetapi, beliau tidak menjalani hukuman oleh kerana mendapat pengampunan daripada ayahandanya, Sultan Ismail.

Memang diketahui umum bahawa sejak masa mudanya Tengku Mahmud Iskandar kuat memukul orang ataupun bertindak zalim dengan cara lain. Satu ketika, pernah beliau mengurung seorang anggota polis di dalam kandang anjing. Tidaklah diketahui apa sebabnya. Tun Abdul Razak sendiri terpaksa turun ke Johor Bahru untuk menyelesaikan perkara ini.

Dalam tahun 1972, sewaktu menjadi Tengku Mahkota, beliau pernah menempeleng Syed Hamid, ketika itu Setiausaha PSRM (kini PRM) Ranting Johor Bahru, di markas ranting itu. Beliau tidak suka anggota-anggota PSRM di sana menyanyi beramai-ramai di markas mereka. Oleh kerana beliau menceroboh masuk markas dan mencederakan anggotanya, maka PSRM mendakwanya dalam mahkamah. Sebelum sampai tarikh perbicaraan, beliau meminta perkara ini diselesaikan di luar mahkamah. Beliau bersetuju membayar \$5000 (yang ketika itu dikira besar jumlahnya) kepada Syed Hamid. Dengan wang penyelesaian ini, ranting Johor Bahru dapat membeli sebuah mesin cetak.

Oleh kerana hukuman yang dijatuhkan oleh Raja Azlan, dan beberapa peristiwa lain, akhirnya, atas desakan pihak-pihak tertentu di Pusat, Tengku Mahkota dilucutkan daripada kedudukannya sebagai Tengku Mahkota. Adiknya dinaikkan daripada kedudukan Tengku Bendahara untuk menggantikannya. Akan tetapi, semasa Sultan Ismail gering, Tengku Mahmud berjaya mendapatkan tanda tangan ayahandanya untuk mengisyiharkan beliau kembali semula sebagai Tengku Mahkota.

Setelah Sultan Ismail mangkat, Tengku Mahmud Iskandar diisythiar sebagai Sultan Johor yang baru. Akan tetapi, sehingga hari ini beliau belum lagi ditabalkan secara rasmi. Nampaknya, walaupun sudah menjadi raja, perangai beliau tidak berubah. Beliau terus memukul dan mencederakan beberapa orang, termasuk seorang puteri dari Terengganu. Bahkan ada berita bahawa beliau telah memukul sehingga mati seorang pemuda yang menjadi "caddy" golf. Seorang anggota Parlimen, semasa menyokong usul Ghafar Baba menyatakan bahawa beliau serta kerabatnya pernah melakukan berbagai-bagai penyiksaan serta penganiayaan sekurang-kurangnya sebanyak 23 kali.

Mengapakah tindakan lebih awal tidak diambil oleh Kerajaan? Mengapakah hanya selepas peristiwa Bukit Serene baru kabinet berbincang dan memutuskan untuk bertindak? Soalah-soalan ini akan cuba dijawab secara mendalam kemudian nanti. Buat sementara ini, yang jelas ialah pihak Kerajaan, khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir, nampaknya tidak tahan lagi. Beliau terus meminta pihak yang teraniaya kali ini bertindak segera melaporkan perkara itu kepada polis. Secara tidak langsung, beliau memberikan jaminan bahawa Gomez akan diberikan perlindungan sekiranya beliau membuat laporan polis.

Akhirnya, aduan dibuat oleh Gomez. Diberitakan bahawa doktor yang memeriksanya, Dr Fernandez, mendapati kecederaan ringan saja dan memberikan Gomez cuti sakit tiga hari. Pada mulanya akhbar memberitakan bahawa doktor itu enggan menyerahkan laporan apabila diminta oleh pihak polis. Ada cerita kononnya beliau ditekan oleh pihak tertentu supaya meminda laporannya untuk menunjukkan kecederaan yang lebih teruk daripada sebenarnya. Beliau telah

mengemukakan laporannya; akan tetapi, tidak diketahui secara sah apakah bentuk laporan yang dikemukakan. Sama ada keceraan Gomez ringan atau berat tidak menjadi isu; yang jelas penganiayaan serta kezaliman sudah banyak kali berlaku sebelum itu.

## PINDAAN

Setelah Gomez membuat laporan polis, lebih kuat lagi lah alasan untuk mengemukakan usul dalam Dewan Rakyat. Akan tetapi, nyata sekali pihak Kerajaan tidak berpuashati semata-mata dengan mendapat sokongan bulat kepada usulnya. Oleh sebab itu, dan juga kerana yakin boleh disokong oleh banyak pihak, Mahathir mengumumkan bahawa Parlimen akan memindah Perlembagaan agar tindakan mahkamah boleh diambil ke atas raja yang melakukan penganiayaan atau kezaliman ke atas sesiapa juapun. Ini ialah caranya untuk memastikan peristiwa seperti di Bukit Serene tidak berulang lagi.

Bahagian dalam Perlembagaan yang disebut-sebut akan dipinda ialah Perkara 181 (2), yang berbunyi: "Tiada apa-apa undang-undang yang menyentuh secara langsung keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran raja-raja boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Majlis Raja-raja".

Perkara ini meletakkan raja di atas undang-undang dan memberikan imuniti (yang ditafsirkan oleh Dr Mahathir sebagai kekebalan) kepada raja-raja dari segi undang-undang. Mula-mulanya Dr Mahathir sendiri memberikan kesan seolah-olah pindaan ini boleh dibuat dengan mudah saja, memandangkan bahawa Barisan Nasional mempunyai majoriti lebih daripada dua-pertiga dalam Dewan Rakyat, dan ada tanda yang jelas bahawa parti-parti luar pemerintah mungkin turut menyokong.

Daripada mulanya, banyak juga pihak yang menyokong pindaan ini. Ada yang berhujah bahawa siapa saja yang melakukan penganiayaan dan kezaliman hendaklah didakwa, dibicara dan dihukum jika lau didapati sabit, tidak kira sama ada ia rakyat biasa atau pun raja. Layanan yang serupa hendaklah diberikan kepada semua rakyat, sesuai dengan maksud Perkara 8(1) dalam Perlembagaan yang berbunyi: "Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang". Tidak ada yang menyatakan raja-raja terkecuali daripada perkara ini.

Ada pula pihak yang berhujah bahawa dari segi Islam tidak ada perbezaan di antara manusia. Semuanya, tidak kira pangkat dan keturunan, adalah sama di bawah hukum Allah. Rajapun tidak boleh mengatasi hukum ini. Mereka menegaskan bahawa manusia yang mempunyai martabat lebih tinggi dan mulia di sisi Allah adalah mereka yang bertaqwa. Akan tetapi, undang-undang negara yang ada sekarang ini bukannya berdasarkan hukum Allah. Lagipun, dalam masyarakat wujud perbezaan taraf berdasarkan keturunan, kekayaan serta kuasa politik.

Sebaliknya ada pula pihak yang menentang pindaan ini. Mereka berpendapat bahawa sekiranya Perkara 181 (2) dipinda, maka ia akan membuka jalan kepada golongan berkuasa yang membuat pindaan itu untuk menghapuskan institusi raja di negeri ini. Mereka tidak rela hal ini berlaku kerana bagi mereka, raja Melayu adalah penting untuk menjadi lambang kedaulatan dan keistimewaan orang Melayu. Mereka menganggap bahawa institusi ini tidak boleh dijejaskan, malahan tidak patut dipersoalkan, kerana ia telah diterima sebagai satu 'kontrak sosial' oleh semua kaum dalam proses tawar-

menawar sebelum Perjanjian Persekutuan termeterai pada tahun 1948 dan Perlembagaan Malaysia (ketika itu Persekutuan Tanah Melayu) diterima pada tahun Merdeka.

Selanjutnya mereka bimbang bahawa jika sistem beraja diganti dengan sistem republik, mungkin pula akan timbul presiden dengan kuncu-kuncunya yang lebih zalim, curang, rasuah dan boros daripada raja-raja yang mereka ganti. Contohnya banyak; di antara yang sering disebut sebagai bukti nyata ialah Stalin dan Hitler serta Idi Amin, Marcos, Ziaul Haq dan juga Suharto. Kesemuanya mendapat tentangan hebat daripada rakyat, dan kebanyakan mereka akhirnya digulingkan.

Kini, semakin hari semakin kuat kempen dijalankan oleh pucuk pimpinan UMNO terutamanya, untuk menghapuskan apa yang selalu disebut sebagai imuniti raja dari segi undang-undang. Seolah-olah mendapat lampu hijau daripada pihak pemerintah, seluruh media massa, khususnya akhbar-akhbar, yang hampir semuanya dimiliki oleh orang parti kerajaan, bersuara dengan lantang mengkritik perilaku setengah-setengah raja dan menyokong syor untuk meminda Perlembagaan itu. Semua media massa ini menegaskan pendirian yang disuarakan oleh pemimpin UMNO bahawa parti itu dan pemerintah tidak berhajat untuk menghapuskan sistem beraja dan menggantikannya dengan sistem republik.

## KERAGUAN

Dalam masa yang sama, timbul pula keraguan serta kekhuitiran bahawa proses meminda perlembagaan itu tidak semudah yang disangka pada awalnya. Keraguan pertama timbul daripada beberapa sekatan dalam Perlembagaan itu sendiri. Misalnya, Perkara 38 (4)

dalam Perlembagaan menyatakan bahawa: "Tiada apa-apa undang-undang yang menyentuh secara langsung keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran raja-raja boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Majlis Raja-raja." Perkara ini diperkuatkan lagi oleh Perkara 159 (5) yang menyatakan pindaan Perlembagaan berkaitan Perkara 38 (dan perkara-perkara lain) tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-raja juga.

Sangat jelas bahawa pindaan Perkara 181 (2) dan 38 (4) akan menyentuh kedudukan raja-raja dan oleh kerana itu memerlukan persetujuan daripada majoriti anggota Majlis itu. Dalam keadaan sekarang persetujuan ini tidak mudah diperolehi. Akan tetapi ada pula pihak yang berpendapat bahawa Perkara 159 (5) boleh dipinda oleh Parlimen tanpa persetujuan Majlis Raja-raja. Saya tidak dapat menyetujui atau mempertikaikan pendapat tersebut oleh sebab kurang arif dalam bidang undang-undang perlembagaan.

Keraguan kedua timbul manakala kelihatan bahawa sebahagian besar raja-raja mengambil pendirian menentang pindaan Perlembagaan yang boleh menjelaskan kedudukan dan keistimewaan diri mereka sendiri. Kata sahibul hikayat, maka pada mula-mulanya, ramai di antara mereka merasakan kekurangan kekuatan serta ikhtiar untuk menentang pemerintahan yang dipimpin oleh Mahathir. Akan tetapi, selepas mendapat pandangan, secara rasmi dan tidak rasmi, daripada beberapa pakar undang-undang (termasuk dua orang bekas Hakim Negara, peguam-pegawai daripada Semangat 46 dan Majlis Peguam), maka mereka bertambah berani. Mereka melihat Perlembagaan boleh digunakan untuk menyebelahi dan menyokong mereka.

Pada ketika yang sama, Mahathir dan Peguam Negara mengakui bahawa, mengikut undang-undang,

persetujuan Raja-raja mesti diperolehi sebelum pindaan dibuat. Entinya, Kerajaan tidak akan membelakangi raja-raja dalam soal pemindaan Perlembagaan ini. Akan tetapi, dalam perkembangan terakhir, Mahathir menegaskan pula sama ada dipersetujui atau tidak oleh Majlis Raja-raja, usul pindaan akan dikemukakan kepada Parlimen yang akan bersidang pada 18 dan 19 Januari 1992. Apa yang akan berlaku selepas itu tidaklah dapat diramalkan.

Bersenjatakan perkara-perkara tertentu dalam Perlembagaan, khabarnya sebilangan besar raja-raja merasakan bahawa mereka boleh menyekat rancangan Kerajaan hendak meminda perkara-perkara dalam Perlembagaan yang boleh menjelaskan kedudukan mereka. Akan tetapi, untuk memperkuatkan lagi kedudukan, mereka perlu membuktikan bahawa mereka mendapat sokongan daripada rakyat. Itulah sebabnya, sebagai contoh, raja Johor cuba menganjurkan majlis mengadap secara besar-besaran di dalam kawasan Istana Besar. Beliau pergi dari masjid ke masjid, meminta rakyat memberikan sokongan tidak berbelah-bagi kepadanya dan menyeru mereka datang beramai-ramai ke Istana Besar jika hendak mengadapnya. Akan tetapi, seperti dimaklumi umum, perhimpunan ini sudah ditangguhkan.

Yang ketiganya, tiada siapa sebenarnya mengetahui dengan tepat bagaimana sikap dan pandangan rakyat umum tentang kedudukan raja itu. Tidak pernah satu kajian ilmiah yang menyeluruh dilakukan ke atasnya. Laporan-laporan dari perisik-perisik kerajaan pun mungkin jauh daripada lengkap. Pihak pemerintah sudah tentu tidak akan mahu mengadakan satu pungutan suara untuk memastikan pendirian rakyat terhadap masa depan raja ataupun pindaan Perlembagaan yang hendak dibuatnya. Adakah sikap orang

Melayu, khususnya yang di kampung-kampung, sama seperti pada tahun 1946, sewaktu mereka menentang Malayan Union dulu? Sudah tentu tidak, akan tetapi bagaimana peringkat kesedaran mereka tidaklah diketahui.

Ada orang menyangka bahawa hampir semua orang bukan Melayu tidak suka raja. Ini kurang tepat. Kita lihat sekurang-kurangnya adá dua golongan di kalangan mereka yang hendakkan raja. Pertama ialah segolongan yang berjaya menggunakan raja itu sebagai satu saluran yang baik bagi memperolehi kekayaan, pangkat dan gelaran. Mereka tidak mahu saluran ini tertutup, oleh kerana mereka tidak berpeluang menggunakan saluran lain, khususnya melalui politik. Untuk menjamin mereka akan dapat apa yang dikehendaki, golongan ini berusaha juga untuk memenuhi atau menyediakan apa yang diselerakan oleh raja-raja itu pula. Jadi, hubungan saling bergantungan adalah kuat di antara mereka.

Satu lagi ialah golongan yang merasa takut terhadap kemungkinan berlakunya perubahan besar di kalangan masyarakat Melayu yang boleh menjadikan mereka bersikap maju atau radikal. Seperti pihak penajah dulu, golongan ini, walaupun tidak begitu besar dan mengandungi juga orang Melayu, merasakan bahawa raja-raja perlu untuk meneruskan pengaruh konservatif ke atas masyarakat Melayu. Dengan ada raja, rakyat akan terus takut menderhaka dan berpanjangan menumpahkan taat setia mereka kepada raja. Sekiranya rakyat mula menentang raja, dan akhirnya institusi raja hapus, masyarakat Melayu sedikit sebanyak akan dibebaskan dari segala adat-istiadat dan psikologi yang membelenggu serta mencengkam mereka selama ini. Akan tetapi ini, tidak terjamin, kerana sifat-sifat feudal boleh tumbuh pula di kalangan golongan luar istana.

## PARTI

Di kalangan orang Melayu pula, seperti yang telah disebutkan, ramai di dalam parti politik luar pemerintah, bahkan ada juga dalam parti pemerintah, berkeyakinan penuh bahawa raja-raja perlu untuk mempertahankan kedaulatan dan keistimewaan orang Melayu. Mereka merasakan bahawa dengan ketiadaan raja, masa depan orang Melayu akan terancam. Ini adalah aspek etnik yang boleh mengukuhkan, di kalangan orang Melayu, sokongan terhadap raja. Namun demikian, apabila didesak dengan hujah-hujah yang rasional, mereka mengakui bahawa sehingga ini tidak kelihatan apakah sebenarnya yang telah dilakukan oleh raja-raja untuk mempertahankan kedaulatan serta keistimewaan Melayu, khususnya rakyat jelata.

Bahkan, sebilangan orang UMNO dan beberapa orang pengarang akhbar kini berhujah bahawa raja-raja tidak perlu oleh kerana UMNO sendiri lebih mampu mempertahankan kedaulatan serta ketuanan Melayu itu. Mereka berkata: bukankah UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO?. Golongan yang tidak bersetuju dengan mereka ini menuduh pula bahawa para pemimpin UMNOlah yang telah menggadai Tanah Melayu dan mempapakan rakyat jelata Melayu. Seterusnya, mereka jugalah sekarang ini yang mengancam Bahasa Malaysia dengan menggalakkan Bahasa Inggeris dan menamatkan DEB yang bertujuan untuk membangkitkan ekonomi orang Melayu. Pandangan seperti ini sering dianggap sebagai melampau, akan tetapi, dalam suasana perkauman yang bertambah tegang, ia boleh mempengaruhi ramai orang.

Sekarang ini, Semangat 46 sangat cergas dan tegas memperjuangkan kedaulatan raja-raja. Akan tetapi,

mereka juga menjelaskan bahawa raja yang zalim dan melakukan jenayah hendaklah dibuang. Dalam pada itu, mereka percaya bahawa mestilah ada proses untuk memungkinkan pembuangan raja yang zalim, atau sebagainya, melalui tribunal raja-raja atau Hakim atau Parlimen. Yang mereka tidak mahu ialah melihat raja diseret ke mahkamah dan terpaksa turun-naik mahkamah semasa masih menjadi raja. Ini akan merendahkan martabatnya. Apa kata pula jikalau raja itu didapati bersalah dan kemudian terus sebagai raja?

Lebih penting bagi mereka, raja sangat perlu untuk mempertahankan ketuanan dan keistimewaan orang Melayu. Ada bermacam-macam perkara yang melibatkan hal ini, yang termaktub dalam Perlembagaan dan tidak boleh dipinda. Cara yang telah dibuat untuk mempertahankan kedudukan dan keistimewaan ini ialah dengan mengadakan perkara-perkara tertentu dalam Perlembagaan, yang tidak boleh dimansuhkan atau diubah, melainkan dengan persetujuan Majlis Raja-raja. Di antara perkara-perakara tersebut ialah yang bersangkutan dengan kedudukan Bahasa Kebangsaan dan keistimewaan, khususnya bersabit dengan penentuan kuota dalam perkhidmatan awam, permit serta lesen dan tempat di pusat-pusat pengajian tinggi.

Hujah-hujah seperti ini boleh mempengaruhi juga setengah-setengah anggota UMNO, terutama sekali di peringkat rendah. Bahkan jikalau dikemukakan dengan penuh sentimen perkauman ke Melayuan kepada orang Melayu, ia boleh mempengaruhi, bukan saja orang Melayu kampung, bahkan juga yang di bandar. Yang menjadi batasan sekarang ialah golongan ini tidak dapat menyampaikan hujah-hujah mereka secara meluas sehingga ke bawah, oleh kerana media dikawal rapi oleh pemerintah dan rapat umum pula tidak dibenarkan. Akan tetapi, dipercayai bahawa potensi hujah-hujah ini

sangat besar. Namun demikian, bahayanya ialah ia boleh meruncingkan hubungan kaum di Malaysia.

Dari segi sejarah UMNO bermula sebagai satu gerakan menyatupadukan rakyat Melayu menentang Malayan Union serta mempertahankan kedudukan raja. Boleh dikatakan salah satu tujuan permulaan untuk menubuh UMNO ialah bagi memulihkan institusi raja. Masih ramai lagi dalam UMNO yang berpegang kepada tujuan asalnya. Selain itu, Semangat 46 pula mengakui dirinya sebagai pewaris sah UMNO asal dan bercita-cita hendak menghidupkannya semula. Mereka menganggap UMNO bukan lagi UMNO sekiranya ia menentang raja. Segala perkara dan hujah ini disedari keberkesanannya oleh para pemimpin UMNO. Itulah sebabnya mereka menegaskan berkali-kali bahawa mereka tidak berniat hendak menghapuskan raja, akan tetapi hanya hendak meminda perlembagaan.

## II

### RAJA DAN FEUDAL

Dalam peringkat-peringkat tertentu sejarah manusia, telah muncul ketua-ketua dalam kelompok-kelamaan kelamaan lompek masyarakat. Ketua-ketua ini lama mengumpul harta kekayaan, menguasai bala tentera, meluaskan kawasan, meramaikan pengikut dan menaikkan taraf sehingga akhirnya mereka dimahkotakan sebagai raja. Institusi raja memang sudah wujud lama. Misalnya, kita membaca tentang cerita seorang raja masyhur bernama Iskandar Zulkarnain, yang hidup beribu tahun dahulu. Qur'an pun ada menyebut tentangnya.

#### DERHAKA

Di negeri ini, mengikut mitos, seperti yang diriwayatkan dalam "Sejarah Melayu", raja Melayu yang mula-mula muncul ialah Sang Sepurba, kononnya keluar dari muntah seekor lembu. Mungkin ini melambangkan pengaruh Hindu. Dalam tradisi Hindu memanglah lembu dianggap binatang sangat mulia. Akan tetapi, Sang Sepurba dan anak-cucunya dipercayai pula sebagai keturunan Iskandar Zulkarnain. Bahkan hingga

sekarangpun ada raja di negeri ini yang diisytiharkan sebagai keturunan daripada Iskandar Zulkarnain juga.

Kata sahibul hikayat, Sang Sepurba, yang bergelar Sri Tri Buana, ingin memperisterikan anak Demang Lebar Daun, yang boleh dianggap sebagai ketua dari kalangan rakyat. Sebelum itu Sri Tri Buana sudah memperisterikan 39 orang puteri dan mereka dijangkiti penyakit sangat berbahaya apabila ditidurinya. Oleh itu Sri Tri Buana meninggalkan mereka. Demang Lebar Daun sanggup menyerahkan anaknya, akan tetapi takut ia akan dijangkiti penyakit sama dan ditinggalkan juga. Oleh itu, beliau meminta raja "berdawat" dengannya dan hasilnya mereka mencapai perjanjian seperti berikut.

Demang Lebar Daun menyatakan: "Adapun Tuanku, segala anak cucu patik sedia akan jadi hamba ke bawah duli Yang Dipertuan; hendaklah ia diperbaiki oleh anak-cucu Duli Tuanku. Dan jika ia berdosa, sebesar-besar dosanya pun, jangan difadhihatkan dinista dengan kata-kata yang jahat. Jikalau besar dosanya dibunuh, itupun jikalau berlaku pada hukum syarak."

Jawab Sri Tri Buana: "Akan pinta bapa itu hamba kabulkan, tetapi hamba minta satu janji pada bapa hamba. Hendaklah pada akhir zaman kelak anak-cucu bapa hamba jangan derhaka pada anak-cucu kita, jikalau ia zalim dan jahat pekerti sekalipun."

Maka sembah Demang Lebar Daun: "Baiklah Tuanku. Tetapi jikalau anak buah Tuanku dahulu mengubahkan dia, maka anak cucu patik pun mengubahkanlah." Jawab Sri Ti Buana, "Baiklah, kabullah hamba akan wadat itu."

Maka bagindapun bersumpah-sumpahan barang siapa mengubahkan perjanjian itu dibalikkan Allah bumbung rumahnya ke bawah,

kaki tiang ke atas. Itulah sebabnya dianugerahkan Allah pada segala raja-raja Melayu, tiada pernah memberi aib pada segala hamba Melayu. Jikalau sebagaimana sekalipun besar dosanya, tiada diikat dan digantung dan difadhihatkan dengan kata-kata yang jahat. Jikalau ada seorang raja memberi aib seorang hamba Melayu, alamat negeri akan binasa.

Syahdan, segala anak Melayu pun dianugerahkan Allah tiada pernah derhaka dan memalingkan muka pada raja-raja, jikalau jahat pekerti sekalipun serta aninya.

Ada beberapa perkara yang menarik daripada petikan cerita "Sejarah Melayu" ini. Pertama, ia melambangkan perjanjian pertama di antara raja dengan rakyat, yang menggariskan hak dan tanggungjawab mereka. Kedua, raja tidak boleh memberi aib kepada rakyatnya, yang boleh dihukum bunuh hanya jika sabit berdosa besar mengikut hukum syarak. Ketiga, rakyat tidak boleh derhaka kepada raja, walaupun ia zalim dan jahat. Keempat, Tuhan akan menimpakan porak-peranda ke atas sesiapa yang mengubah perjanjian ini.

Perkara ketiga paling menarik sekali. Konsep derhaka memang kuat pengaruhnya dalam kebudayaan Melayu; ia adalah salah satu faktor penting yang menjadikan rakyat selalu setia membabi buta kepada raja dan takut hendak menyanggahnya walaupun ia zalim.

## ISLAM

Akan tetapi, dalam "Sejarah Melayu", diceritakan juga bagaimana seorang Bendahara berani bertindak menentang seorang anak raja. Anak raja itu bernama Raja Muhammad, putera kepada Sultan Mansor Shah dan pewaris takhta Melaka. Beliau telah membunuh Tun Besar, kerana marah bola raga yang disepak oleh

Tun Besar terkena pada kepalanya. Bendahara menentang perbuatan zalim ini dan berkata "... hamba Melayu tidak pernah derhaka. Tetapi janganlah kita bertuankan anak raja seorang ini". Akibat penentangan Bendahara, Raja Muhamad disingkir dan tidak menjadi raja.

Peristiwa ini barang kali boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan pengaruh dua tradisi berlainan ke atas kedudukan raja. Mengikut tradisi Hindu, raja dianggap sebagai "dewa", iaitu "dewaraja". Itulah sebab agaknya ia "disembah" sebagai "yang maha mulia". Sebagai dewa, dia di atas segala-galanya, dan tiada siapapun boleh derhaka terhadapnya, walaupun zalim atau jahat sekerti. Wadat yang diminta oleh Sang Tri Buana supaya rakyat jangan derhaka membuktikan sedikit-sebanyak pengaruh tradisi Hindu ini.

Sebaliknya, di zaman Sultan Mansor Shah, Islam sudah meluas di Melaka. Islam menganggap semua manusia sama saja tarafnya, dan perbezaan di antara mereka di sisi Allah semata-mata diasaskan pada ketaqwaan mereka. Islam juga menentukan bahawa seorang raja, sebagai pemerintah, hendaklah bersikap adil dan bijaksana. Dalam Quran acapkali ditekankan bahawa kezaliman perlu ditentang; dan disebutkan juga seorang raja hendaklah merupakan khalifah Allah yang berilmu. Dengan demikian barulah ia boleh menjadi seorang imam ataupun pemimpin yang adil dan bijaksana. Bahkan dalam tradisi Hindupun, seperti dalam tradisi Islam, terdapat konsep "Raja Adil".

Akan tetapi, dalam sejarah Islam, khususnya pada zaman Umayyah dan Abbasiah, terdapat ramai raja atau sultan yang zalim lagi bebal. Dalam sejarah raja-raja Melayu pun tidak kurang contoh raja yang bersifat demikian. Ini menunjukkan bahawa sifat-sifat unggul yang dituntut oleh Islam terhadap raja tidak semestinya berlaku pada hakikat atau keadaan sebenarnya.

Walaupun begitu, tindakan Sultan Mansur Shah menyingkir anaknya adalah satu bukti yang baik bahawa nilai-nilai Islam mempengaruhinya lebih daripada nilai-nilai Hindu.

## MELAKA

Abad ke-15 Masehi menyaksikan satu Zaman Kege-milangan tamaddun Melayu, dari ukuran feudal, yang berpusat di Melaka. Kerajaan Melaka sangat besar dan luas kuasa dan pengaruhnya. Wilayah kekuasaan dan pengaruh kerajaan itu tidak terbatas hanya pada Melaka, akan tetapi meluas kepada kawasan-kawasan lain di Semenanjung Melayu dan juga Nusantara. Melaka terletak pada tempat yang strategik dari segi perdagangan di pesisiran dan juga di antara Cina dengan India, Timur dengan Barat. Ia merupakan tempat persinggahan perdagangan antara bangsa yang penting. Melalui perdagangan Melaka menjadi kaya. Keadaan ini memberi peluang kepada raja-raja Melaka untuk memungut banyak hasil serta kekayaan dan meninggi-kan lagi taraf mereka.

Raja Melaka adalah kemuncak pemerintahan. Di bawahnya, ramai raja-raja yang kurang kuasanya dan pembesar-pembesar dari wilayah lain yang berlindung di bawahnya. Raja Melaka memungut hasil daripada kegiatan perdagangan dan menerima bermacam-macam jenis "serahan" daripada berbagai-bagai golongan. Ia mempunyai angkatan perang sendiri, yang menambahkan lagi kuasa dan kekuatannya. Selain itu, terdapat kanun yang memberikan kuasa kepada raja untuk membicara orang yang dituduh dan menghukumnya. Ertinya, pada raja itu bertumpu berbagai-bagai jenis kuasa serta kekuatan.

Walaupun segala bentuk kekuasaan berpusat pada dirinya, namun raja Melaka dibantu dalam pengurusan

pemerintahannya oleh beberapa orang pembesar, seperti Bendahara (selaku wazir yang bertanggungjawab dalam pentadbiran), Temenggung (yang bertanggungjawab antara lain atas keselamatan), Laksamana (bertanggungjawab atas angkatan laut) dan Shahbandar (bertanggungjawab atas urusan-urusan ekonomi). Susunan pentadbiran di Melaka ini tidak semestinya wujud di negeri-negeri lain, kerana lain padang lain belalangnya. Dalam pada itu, semua raja dan pembesar yang berlindung di bawah Raja Melaka mempunyai kuasa dan pengaruh juga ke atas kawasan atau wilayah masing-masing.

## FEUDAL

Boleh dikatakan raja Melaka melambangkan kemuncak sistem feudal Melayu yang padu (atau "integrated"). Ada ilmuwan yang kurang bersetuju menyifatkan sistem ekonomi-politik Melaka itu sebagai feudal. Akan tetapi, buat sementara ini saya menggunakan konsep ini untuk memudahkan perbincangan. Tidak dapat dinafikan bahawa apa yang dikatakan sistem feudal yang wujud di Melaka berlainan sifatnya daripada sistem feudal di Eropah, yang juga berbeza dengan sistem feudal Jepun.

Sudah tentu tidak semua sistem feudal dalam pelbagai masyarakat sama saja bentuk dan sifatnya. Bahkan di negeri-negeri Melayu sendiri, apa yang digelarkan "feudal" itu tidak sama di antara satu tempat ke satu tempat yang lain. Yang jelas ialah wujud sistem yang membezakan darjah, dan mereka yang mempunyai darjah tinggi memiliki kekayaan dan diberikan kemuliaan, yang kadang-kadang tidak terbatas.

Di antara ciri-ciri yang terdapat dalam sistem feudal di Eropah ialah: (a) ia berasaskan ekonomi pertanian dan pemilikan tanah atau kawasan yang dikenali sebagai "fief", di mana terdapat tuan tanah ("lord") dan khadam

("serf"), (b) dari segi susunlapis, terdapat tiga golongan penting, iaitu bangsawan (atau "nobility"), paderi (atau "priest") dan orang awam (atau "common people"), yang terdiri daripada penyewa serta khadam, (c) bangsawan, disokong oleh paderi, merupakan lapisan pembesar yang mempunyai kuasa politik dan memiliki kekayaan (khususnya tanah), manakala orang awam merupakan rakyat jelata yang kebanyakannya menjadi petani atau penyewa tanah, (d) terdapat apa yang dikatakan pecahan kuasa (atau "dispersal of power") di mana kuasa tidak begitu terpusat bahkan terbagi-bagi di antara golongan pembesar, dan (e) timbul cara hidup dan adat-istiadat yang memperlihatkan kemewahan, kebesaran dan kemuliaan golongan raja serta pembesar, yang mesti dihormati oleh rakyat jelata yang serba susah dan rendah.

Sebagai perbandingan pula, di antara sifat-sifat penting sistem feudal Melayu, seperti yang terdapat di Melaka, ialah: (a) walaupun ada kegiatan pertanian serta pemilikan dan pengeraian tanah, khususnya di wilayah-wilayah "jajahan takluk" di luar Melaka, namun di Melaka sendiri kegiatan ekonominya lebih berasaskan perdagangan laut, (b) faktor yang lebih penting bagi menentukan kurang-lebihnya kuasa raja ialah bilangan pengikut, termasuk orang perang serta hulubalang dan pengera tanah, yang boleh memberikan kekuatan tenaga manusia yang lebih kuat dan kawasan tanah yang lebih luas, (c) dari segi susunlapis dua golongan yang penting ialah bangsawan dan rakyat, dengan sumber-sumber kuasa dan kekayaan serta taraf tinggi, kemuliaan serta kemewahan bertumpu pada golongan bangsawan, (d) di zaman kegemilangan Melaka, terdapat lebih banyak pemusatkan kekayaan dan kuasa pada raja, dan walau-pun wujud ulamak, akan tetapi mereka tidak mempunyai kuasa dan kekayaan sebagaimana terdapat di kalangan golongan paderi di Eropah, dan (e) terdapat perbezaan

darjat, yang diperkuatkan oleh konsep tidak boleh derhaka serta taat-setia, yang menyuburkan sikap jiwa hamba di kalangan rakyat.

Setelah Melaka jatuh, berikutan serangan Portugis pada tahun 1511 Masehi, sistem politik Melayu menjadi berpecah-pecah (atau "disintegrated"). Timbul ramai raja, masing-masing mempunyai pengikut dan kawasan pengaruh yang lebih kecil. Dengan itu, kedudukan ekonomi mereka pun tidak begitu kukuh, berbanding dengan raja Melaka. Akan tetapi, susunlapis yang membeza-bezakan kedudukan darjat, kemuliaan serta kekayaan dengan rakyat terus jelas. Kegiatan ekonomi yang penting di kebanyakan kawasan ialah pertanian, akan tetapi sedikit sebanyak perdagangan melalui sungai dijalankan juga. Dalam abad ke-19 kegiatan melombong timah meluas di negeri-negeri seperti Perak dan Selangor, dan ini menambahkan lagi kekayaan setengah-setengah golongan bangsawan di sana.

Ada raja dan pembesar yang dapat menimbulkan kekayaan melalui penguasaan ke atas perlombongan bijih timah. Namun demikian, kebanyakan mereka lebih bergantung kepada cukai yang dikutip daripada perdagangan dan hasil serahan daripada rakyat yang menjalankan kegiatan pertanian. Selain itu, mereka mempunyai hamba-sahaya untuk mengerjakan tanah milik mereka serta melaksanakan segala suruhan. Mereka juga mempunyai hulubalang serta orang perang sendiri yang boleh digunakan bagi menakluki kawasan serta penduduknya bagi meluaskan lagi pengaruh, menyerang musuh atau mempertahankan diri daripada serangan mereka.

## PENJAJAHAN

Keadaan seperti ini berterusan sehingga kedatangan penjajah Inggeris. Selepas bertapak di Pulau Pinang

pada tahun 1786 Masehi, Inggeris mulai mengembangkan sayap ekonominya ke negeri-negeri Melayu melalui East India Company. Pulau Pinang, beserta Melaka dan Singapura, telah dikuasai oleh Inggeris dan diperintah oleh Gabenor. Pada mulanya Inggeris tidak hendak campur tangan dalam hal ehwal negeri-negeri Melayu. Akan tetapi oleh kerana kepentingan ekonomi dan politik, perkembangan industri dan kapitalisme di England, akhirnya mereka berbuat demikian. Negeri yang mula-mula Inggeris campur tangan ialah Perak.

Perak kaya dengan bijih timah, yang sangat diperlukan di Eropah pada ketika itu untuk menyadur besi supaya tidak karat. Akan tetapi, kepentingan ekonomi Inggeris di Perak agak terancam oleh kerana keadaan di negeri itu tidak stabil dan terus mereka mengambil langkah untuk masuk ke negeri itu. Pembesar-pembesar Melayu membawa orang-orang Cina untuk membuka lombong, dan pengusaha Cina ini membawa pula kongsi gelap mereka bersama. Dua kongsi gelap yang terkenal sekali ialah Hai San, yang lebih kuat, dan Ghee Hin. Selain it, berikutnya kemangkatan Raja Ali di Perak, timbul perebutan antara Raja Ismail, Raja Abdullah dan Raja Yusuf untuk menjadi Sultan.

Mengikut susunan, sepatutnya Raja Abdullah mewarisi takhta Perak. Akan tetapi, oleh ia tidak dapat menghadiri pengebumian Sultan Ali tidak dapat melalui kawasan yang dikuasai oleh Raja Ismail, maka selepas 32 hari Raja Ismail diisytiharkan sebagai Sultan. Raja Abdullah menentang perisytiharan ini. Sultan Ismail mendapat sokongan dan kerjasama daripada kumpulan Hai San, manakala Raja Abdullah mendapat sokongan dan kerjasama daripada kumpulan Ghee Hin. Raja Ismail dan kumpulan Hai San berjaya mengalahkan Raja Abdullah dan kumpulan Ghee Hin. Raja Yusuf paling lemah di antara bertiga ini.

Raja Abdullah telah menulis surat kepada Gabenor British di Negeri-Negeri Selat untuk campur tangan. Surat Raja Abdullah memberikan peluang baik kepada Inggeris untuk mengambil kesempatan. Inggeris menganjurkan persidangan di Pangkor, yang dihadiri oleh Raja Abdullah, Ngah Ibrahim, yang sejak mulanya menyokong Sultan Ismail, dan ketua-ketua kumpulan Hai San dan Ghee Hin. Sultan Ismail dan Raja Yusuf tidak hadir. Pada tahun 1874 Perjanjian Pangkor ditandatangani.

Dengan Perjanjian Pangkor Sultan Abdullah diakui oleh British sebagai Sultan, manakala Raja Ismail dijadikan Raja Muda. Mengikut Perjanjian Pangkor Sultan Abdullah hendaklah menerima seorang Residen Inggeris, yang menjadi penasihat kepada Sultan mengenai semua hal pemerintahan, melainkan agama Islam dan adat-istiadat Melayu. Selepas Perak, sebuah demi sebuah negeri Melayu dimasuki oleh Inggeris. Ditiap-tiap negeri Residen atau Penasihat Inggeris diterima

## PEMBERONTAKAN

Residen British yang pertama di Perak bernama J.W.W Birch. Beliau bukannya memberi nasihat saja, bahkan cuba mendapatkan kuasa yang lebih, menjalankan kebanyakan urusan pentadbiran dan mengeneppikan raja. Beliau tidak cekap berbahasa Melayu dan kurang memahami adat-istiadat orang Melayu. Banyak perkara yang dilakukannya tidak disenangi oleh orang Melayu. Sultan Abdullah dipaksa menandatangani perisyiharan menyerahkan kuasanya kepada Residen. Ini dianggap sudah keterlaluan. Akan tetapi ada juga yang baik dilakukannya, seperti hendak menghapuskan perhambaan. Namun begitu, kebencian terhadap Birch membuatkan mereka yang lama bermusuhan, seperti Sultan Abdullah dan Raja Ismail, bersatu untuk menentang Birch.

Maharaja Lela, seorang pembesar dari Hilir Perak berkata: "Aku tidak akan sekali-kali menerima kuasa Birch atau kuasa orang putih. Takkan kubenarkan Birch memijak kampungku di Pasir Salak." Sesungguhnya apabila Birch berada di Pasir Salak pada 2hb November 1875 Masehi, untuk mempamerkan perisytiharan yang memindahkan kuasa raja kepadanya, beliau ditikam hingga mati dengan lembing, semasa sedang mandi di Sungai Perak. Penjajah Inggeris menghantar tenteranya dan menangkap semua pembesar. Maharaja Lela digantung. Sultan Abdullah dan Menteri Larut dibuang negeri ke Pulau Seychelles. Raja Ismail dibuang negeri ke Johor, manakala Raja Yusuf diangkat oleh British sebagai Sultan Perak.

Pengiktirafan orang lain daripada keturunan raja sebagai sultan sebenarnya telah berlaku di Johor. Dalam permulaan abad ke-19 Masehi terdapat dua orang yang bersaing untuk menaiki takhta Johor, iaitu Tengku Abdul Rahman dan Tengku Hussein. Inggeris mengiktiraf Tengku Hussein. Apabila beliau mangkat, Tengku Ali sepatutnya menggantinya. Akan tetapi, Inggeris lebih sukaikan Temenggung Ibrahim kerana bapanyalah pembesar Johor yang menandatangani Perjanjian dengan Stamford Raffles di Singapura pada tahun 1819 Masehi.

British melihat Temenggung Ibrahim sebagai seorang yang cekap serta berkebolehan dan oleh itu menganggapnya sebagai pemerintah Johor. Walaupun Ali dibenarkan terus menggunakan gelaran Sultan, akan tetapi beliau diberikan hanya satu kawasan kecil di Muar, iaitu Kesang, untuk diperintah. Sehingga sekarang, anak-cucu Temenggung Ibrahimlah mewarisi takhta Johor, manakala keturunan Ali disisih begitu saja. Salah seorang keturunan Ali ialah Dr Ungku Omar. Tidak banyak orang mengetahui pada satu ketika, sebelum ia meninggal, ada satu percubaan untuk

menaikkan Ungku Omar sebagai Sultan Johor.

## PERUBAHAN

Setelah bertapak di Perak, Inggeris memasuki negeri Melayu yang lain, satu demi satu, dan meletakkan Residen atau Penasihat. Dengan kedatangan Inggeris sempadan negeri-negeri di Semenanjung Melayu ditetapkan. Kuasa raja-raja dikurangkan dan perananya dibataskan. Jabatan-jabatan dan pegawai-pegawai baru diadakan untuk menjalankan pentadbiran, memungut cukai serta mentadbir belanjawan, menjaga keselamatan serta keamanan, melaksana keadilan serta kehakiman, dan seterusnya.

Raja tidak boleh lagi memungut hasil, mempunyai orang perangnya sendiri (melainkan di Johor) dan menjalankan hukuman mengikut kehendak hatinya. Kebanyakan jabatan dan pegawai yang baru ini terletak di bawah Residen, yang mempunyai pembantunya di tiap-tiap jajahan atau daerah dalam sesebuah negeri. Seperti yang kita lihat, penjajah Inggeris boleh pergi lebih jauh lagi; mereka boleh menurunkan ataupun menggantikan raja.

Selepas Perang Dunia Kedua, penjajah Inggeris melalui rancangan Malayan Union yang dibawa oleh MacMichael, cuba menurunkan semua Sultan negeri-negeri Melayu daripada kedudukan mereka. Beberapa orang raja menandatangani dokumen yang dibawa oleh MacMichael. Satu gerakan orang Melayu telah muncul untuk menentang rancangan Malayan Union ini dan mengembalikan raja-raja ke tempat mereka yang lama. Gerakan ini melahirkan UMNO pada waktu itu, dan sehingga kini dianggap sebagai tenaga yang menyatupadukan orang Melayu dan mengembalikan kedaulatan raja.

Pada masa yang sama, golongan kiri Melayu, yang turut bergabung dalam Putera-AMCJA, telah menyokong sebuah Manifesto Rakyat yang dikemukakan oleh gabungan itu. Dua perkara besar dalam manifesto tersebut perlu ditegaskan di sini kerana pentingnya dalam konteks perkembangan hari ini. Pertama, ia menerima institusi raja sebagai lambang, walaupun ramai individu serta golongan kiri pada masa itu mahu memperjuangkan kemerdekaan tulen untuk negara, di mana segala saki-baki penjajahan dan feudal dihapuskan. Kedua, ia mencadangkan satu bentuk rupa bangsa, yang dikenali sebagai Bangsa Melayu; bangsa ini meliputi semua rakyat, tidak kira keturunan, yang telah diberikan kewarganegaraan.

British berjaya mematahkan gerakan perjuangan nasionalis Melayu tulen, yang dipelopori oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), dengan menindasnya, dan menggalakkan perkembangan UMNO.

Akhirnya, kemerdekaan diserahkan kepada Perikatan, yang dipimpin oleh UMNO, pada 1957. Dengan kemerdekaan ini, sistem demokrasi berparlimen diasaskan dan konsep raja berperlembagaan yang sudah diterima pada dasarnya diperkuuhkan.

## RAJA

Institusi raja yang diperkenalkan adalah unik. Lima tahun sekali, sembilan orang raja Melayu memilih salah seorang daripada mereka untuk menjadi Yang Di-Pertuan Agong bagi seluruh Persekutuan selama tempoh lima tahun secara bergilir-gilir. Yang Di-Pertuan Agong menjadi lambang kedaulatan serta perpaduan negara, selain menjadi ketua agama Islam dan adat-istiadat Melayu. Beliau dikehendaki oleh Perlembagaan supaya

menandatangani rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen untuk disahkan sebagai undang-undang.

Peranan raja bagi tiap-tiap negeri hampir sama, akan tetapi, terbatas kepada negeri masing-masing. Padam teorinya, raja-raja ini tidak dibenarkan campur tangan dalam soal politik negara atau negeri dan tidak boleh menyertai kegiatan ekonomi seperti melakukan perniagaan. Akan tetapi, pada amalannya, larangan ini selalu dipertikaikan, dan berulang-ulang kali timbul kontroversi oleh kerana setengah-setengah raja, dan semasa ke semasa, mencampuri kedua-dua bidang ini. Misalnya, secara langsung atau melalui "nominees", ramai raja mengambil bahagian dalam perniagaan. Itu menjadikan setengah-setengah mereka sebagai peser aktif dalam proses kemunculan kapitalisme di sini. Kedudukan tradisional mereka diperkuatkan oleh kepentingan ekonomi yang baru.

Wujudnya raja tidak bererti wujudnya sistem feudal. Sebenarnya, di peringkat negeri, beberapa asas atau ciri penting sistem feudal telah luput akibat daripada penjajahan dan proses perubahan yang berlaku selepasnya. Institusi raja merupakan satu ciri yang masih tinggal. Untuk memperkuatkan kedudukan raja Melayu Inggeris memperluaskan penggunaan adat-istiadat kebesaran raja yang meniru tradisi Hindu, dan melandaskan konsep kedudukannya kepada institusi raja Inggeris, raja berperlembagaan.

Selain itu, raja-raja dijadikan pelindung hal-ehwah agama Islam dan diletakkan di atas undang-undang dengan erti kata bahawa mereka mempunyai imuniti dari segi undang-undang dan oleh itu tidak boleh didakwa, dibicara dan dihukum mengikut undang-undang yang ada wujud. Konsep ketua agama ini sebenarnya bermula pada zaman King Henry VIII, raja Inggeris dalam abad ke-15 Masehi, yang telah meletakkan dirinya sebagai

kan  
ng.  
kan  
ada  
gan  
boleh  
kan  
ini  
bul  
dari  
ini.  
ee",  
Ini  
erta  
sini.  
boleh  
ndal.  
ciri  
ada  
pas-  
asih  
ayu,  
adat  
dan  
itusi  
  
awal  
ang,  
uniti  
kwa  
yang  
nula  
bad  
aga

ketua Gereja Anglican, yang ditubuhkannya untuk membolehkannya kahwin lagi selepas bercerai, kerana tidak diizinkan oleh Gerja Katolik Rome. Konsep yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris ini diteruskan selepas Kemerdekaan.

Sebenarnya, orang akan mengatakan bahawa dalam Islam pun wujud konsep raja sebagai bayangan Allah di bumi (*zillullahi fil-ard*). Akan tetapi, yang sering dilupakan ialah ditegaskan juga bahawa selain merupakan bayangan Allah, ia juga dianggap "tempat yang lemah mencari perlindungan dan tempat orang teraniaya mendapat pembelaan (*ya wi ilayhi d-daiif wa bihi yantasiru l-mazlum*). Apabila seseorang raja ditabalkan, ia lazimnya mengangkat sumpah yang berbunyi: "Wallahi, wabillahi, watallah ... beta akan memerintah seadil-adilnya", dengan menjunjung Qu'ran di atas kepalanya.

Upacara ini berunsur Islam, dan menekankan dua perkara. Pertama, raja bersumpah untuk berlaku adil. Kedua, raja adalah di bawah kemuliaan Qur'an yang dijunjungnya, dan oleh itu, tertakluk di bawah hukum-hukum Allah, yang terimpun didalam Qu'ran dan tidak mengatasinya. Ini berbeza dengan konsep raja adalah di atas segala undang-undang dan raja tidak mungkin melakukan keslahan ("the king can do no wrong").

## DARJAT

Di antara lain-lain ciri feudal yang masih dilanjutkan dan diperkuatkan oleh penjajah ialah perbezaan darjah dan jiwa hamba. Ini dapat kita lihat dalam cara bertutur dengan raja-raja, adat-istiadat istana dan susunan serta psikologi yang menentukan bentuk hubungan di antara raja dengan rakyat. Saya berpendapat bahawa setengah daripada amalan ini adalah tinggalan-tinggalan yang sudah usang lagi menghinakan taraf serta maruah rakyat

sebagai manusia. Oleh itu perlulah ia diulangkaji dengan tujuan memansuhkan ataupun mengubah mana-mana yang patut.

Berhubung dengan cara pertuturan, memang dalam banyak masyarakat berdarjat, terutama sekali di Timur, sering terdapat dua jenis bahasa, satu yang digunakan untuk bertutur dengan raja dan satu lagi sesuai hanya untuk digunakan di kalangan rakyat sesama mereka. Di Malaysia sebahagian daripada bahasa yang digunakan untuk raja sangat-sangat menghinakan dan merendahkan taraf manusia biasa. Sebagai contoh, ambil saja penggunaan tiga perkataan, iaitu "patik", "duli" dan "sembah".

"Patik" bererti "hamba tebusan" dan adakalanya dimaksudkan juga sebagai "anjing". Mengapakah rakyat perlu meletakkan dirinya sebegini rendah di hadapan raja? Beberapa orang raja sudah mula menggunakan "saya" dan tidak lagi "beta", dan sesuai dengan ini, sudah patut pula rakyat menggunakan "saya" juga dan tidak perlu berpatik-patik lagi dengan raja. "Duli" pula ertinya "tapak kaki". Mengapakah di zaman ini kita masih perlu "memohon ampun" dan "menjunjung duli" atau tapak kaki raja apabila berbahasa dengannya? Begitu juga dengan "sembah". Ini mungkin lanjutan daripada pengaruh lama yang menganggap raja itu sebagai dewa. Sepatutnya, yang disembah oleh orang yang beragama Islam hanya Allah. Ketika menyembah Allah, kita lazimnya menggunakan hanya "Engkau-aku" dan tidak pernah berpatik dan menjunjung duli.

Masanya sudah sampai untuk mengubah semua ini. Memang benar bahawa perubahan bahasa tidak boleh dilakukan secara undang-undang. Akan tetapi, amalan menggunakan bahasa yang menghina dan merendahkan martabat manusia ini boleh diberhentikan dengan kebiasaan. Para pemimpin pemerintah dan semua orang

yang berpengaruh dalam masyarakat hendaklah membiasakan rakyat dengan mendemokersikan bahasa pertuturan dengan raja-raja, dan memberikan teladan yang sesuai.

Perkara kedua berhubung dengan adat istiadat istana. Bermacam-macam adat-istiadat yang membazirkan wang, membuang masa serta merendahkan martabat rakyat diadakan untuk berbagai-bagai sambutan diraja, khususnya berkaitan majlis pertabalan dan nikah kahwin. Kebanyakan adat-istiadat ini memperlihatkan ciri-ciri pengaruh Hindu yang tebal, dan ada setengahnya dicipta begitu saja oleh pegawai-pegawai penjajah Inggeris, yang kononnya menjadi pakar kebudayaan Melayu dulu.

Nampaknya, setengah-setengah daripada upacara feudal ini ditiru pula untuk menyambut pemimpin-pemimpin pemerintah yang dipilih rakyat dan sepatutnya berkhidmat kepada mereka, bukannya bergembira diagung-agungkan semacam raja juga. Sebelum upacara-upacara lapuk ini menjalar kepada golongan pemimpin politik, dan diberikan kekuatan baru oleh mereka, perlulah ia dibendung. Adat-istiadat kebesaran bagi raja-raja perlu dikaji semula, dan sekiranya munasabah, hendaklah dikurangkan, disesuaikan dengan zaman ataupun dihapuskan sama sekali. Bagi pemimpin-pemimpin pemerintah, ia tidak harus digalakkan sama sekali.

Dalam setengah-setengah upacara adat istana, pembesar atau rakyat biasanya terpaksa menghesut-hesut sambil menyembah berkali-kali. Mengapa tidak mencukupi dengan tunduk, ataupun selebih-lebihnya mengangkat dua tangan ke dahi saja (dan inipun tidak begitu saya setujui) sebagai tanda hormat? Kesan amalan adat ini, dengan diperkuuhkan oleh penggunaan bahasa seperti yang diterangkan di atas, telah

menimbulkan psikologi yang buruk di kalangan rakyat.

## JIWA HAMBA

Hal ini membawa kita kepada perkara ketiga. Sebagaimana yang telah dihuraikan lebih awal, memang sudah wujud konsep "derhaka" dalam budaya Melayu. Konsep ini masih ada kesannya ke atas rakyat Melayu, walaupun tidak diketahui berapa mendalam atau meluasnya. Sudah menjadi kebiasaan raja atau pemimpin meminta taat-setia yang tidak berbelah bagi daripada rakyat. Seharusnya taat-setia perlu bertempat dan tidak harus diberikan secara membabi-buta.

Pada zaman-zaman yang lampau konsep "taat-setia" dikaitkan dengan "derhaka". Mengikut perjanjian di antara Sang Tri Buana dengan Demang Lebar Daun, raja tidak boleh ditentang atau dilawan kerana ini boleh menimbulkan perbuatan derhaka. Akibatnya, wujud sehingga kini sejenis psikologi takut dan terlalu merendahkan diri di kalangan rakyat. Maka seterusnya muncullah apa yang sekarang ini disebut sebagai sikap "jiwa hamba".

Yang menjadi penyakit sekarang ini ialah perasaan takut, rendah diri dan jiwa hamba telah menjalar pula di kalangan rakyat terhadap pembesar-pembesar negara yang baru muncul. Mereka ditambah-besarkan dengan berbagai-bagai pangkat serta gelaran, seperti Tun, Tan, Seri, Datuk, Datuk Seri dan Datuk Paduka. Setengah-setengah daripada mereka bukan saja menuntut supaya diberikan penghormatan, bahkan menggunakan kedudukan serta pangkat mereka untuk bekerjasama atau berlumba dengan raja-raja dengan tujuan untuk mengaut lebih banyak lagi peluangkekayaan. Sedikit sekali yang menunjukkan sifat timbang rasa atau kasih sayang terhadap rakyat yang jelata rendah kedudukan-

nya, terutama yang miskin dan susah. Hal ini digambarkan dengan jelas oleh Shahnon Ahmad dalam novelnya "Patriarch".

Psikologi jiwa hamba dan takut kepada mereka yang berpangkat tinggi sangat meluas sekarang dan perlu dikikis. Ia merupakan saki-baki yang sangat berbahaya daripada sistem feudal dan boleh menyekat kemajuan. Sekiranya kita mahukan Malaysia berkembang dan rakyatnya maju, maka perubahan psikologi hendaklah dilaksanakan. Rakyat hendaklah dibebaskan daripada fikiran, kepercayaan, sikap dan adat yang membekukan mereka. Orang selalu menyebut pepatah "biar mati anak jangan mati adat", akan tetapi, sekarang ini sepatutnya kita mengubahnya kepada: "biar mati adat asal jangan mati anak". Dari segi inilah sekurang-kurangnya revolusi mental masih perlu lagi.

### III

## PERTENTANGAN

Dalam bab lalu, kita telah melihat bagaimana perubahan dalam pemerintahan dan pentadbiran berlaku dengan kedatangan penjajah Inggeris. Di Perak, boleh dikatakan telah berlaku semacam perebutan kuasa dan pengaruh di antara Residen dengan Raja. Percubaan Birch, Residen pertama Perak, untuk mendapatkan kuasa yang lebih, ditentang oleh Sultan Abdullah, yang disokong oleh pembesar-pembesar yang dulunya memusuhi beliau. Orang Melayu, di bawah pimpinan golongan raja dan pembesar bangun menentang Birch. Itulah yang mengakibatkan pembunuhan, yang diikuti pula oleh pembuangan negeri Sultan Abdullah dan Raja Ismail.

Apa yang berlaku di Perak telah berulang di negeri-negeri lain, seperti di Pahang, Kelantan dan Melaka. Di Pahang pembesar-pembesarnya tidak suka kepada Inggeris, yang telah merampas hak dan kuasa mereka untuk memungut hasil cukai. Setengah-setengah daripada mereka tidak mahu bekerjasama dengan Residen, bahkan memberontak menentang Inggeris. Di antara mereka yang paling terkenal ialah Datuk Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau. Mereka berjuang

sehingga penghujung abad ke-19 Masehi.

Di Kelantan pula kita berjumpa dengan Tok Janggut dan di Melaka dengan Datuk Naning; kedua-duanya memimpin gerakan menentang Inggeris. Hampir semua raja dan pembesar di negeri-negeri Melayu yang menentang Inggeris dilucutkan daripada kedudukan mereka, manakala yang bekerjasama atau bersubahat dengan Inggeris diangkat sebagai pengganti ataupun diberikan kedudukan istimewa. Ini berlaku bukan saja di Malaysia, akan tetapi di mana saja penjajahan bertapak.

## KELAS BARU

Tidak lama selepas Merdeka, pegawai-pegawai Inggeris ditamatkan jawatan mereka. Orang tempatan, kebanyakannya Melayu, mengganti mereka sebagai pegawai untuk mengurus pentadbiran kerajaan. Selain itu, kemerdekaan juga telah membawa perubahan dalam bidang politik. Dewan Rakyat dan Dewan Negara dibentuk. Pilihanraya diadakan lebih kurang lima tahun sekali untuk memilih wakil-wakil rakyat. Mereka terdiri daripada pemimpin atau aktivis daripada parti-parti politik yang ditubuhkan.

Kabinet dan Majlis Kerja (Exco) dibentuk dan menteri-menteri serta anggota-anggota Exco dipilih untuk menguruskan pemerintahan di peringkat Persekutuan dan negeri. Seperti kita tahu, Perikatan dan kemudian Barisan Nasional, yang dipimpin oleh UMNO, memegang teraju pemerintahan. Ramailah pemimpin daripada UMNO dan lain-lain parti yang bersamanya menjadi pemimpin politik di peringkat Persekutuan dan negeri. Mereka merupakan elit politik baru yang semakin bertambah kuasanya. Pada ketika yang sama juga, elit politik tradisional, terdiri daripada raja dan

pembesar, dilucutkan kuasa politik mereka dan dijadikan lambang saja.

Selain itu, perubahan dalam bidang ekonomi juga telah menimbulkan elit ekonomi baru. Di kalangan pemimpin politik pemerintah ramai yang mengambil peluang untuk mengaut kekayaan ekonomi semasa berkuasa. Ada pula yang menerus atau memperluas kegiatan ekonomi mereka selepas tamat berkhidmat sebagai menteri atau anggota Exco. Kebanyakan mereka menjadi pengarah syarikat. Pada waktu yang sama orang Melayu umumnya digalakkan menyertai bidang perniagaan dan perusahaan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB).

DEB diperkenalkan berikutan pilihanraya umum, yang penuh dengan kempen perkauman, dan peristiwa 13hb Mei 1969. Berbagai-bagai galakan dan bantuan diberi kepada orang Melayu untuk menjadi hartawan. Orang paling berpeluang sekali ialah mereka yang menjadi pemimpin pemerintah ataupun mempunyai hubungan yang baik dengan pucuk pimpinan politik pemerintah. Maka, timbulah satu kelas hartawan, yang boleh dianggap sebagai elit ekonomi baru Melayu. Sekarang ini sudah ramai bilangan pemimpin-pemimpin korporat Melayu menganggotai golongan elit ini. Mereka mempunyai hubungan rapat dengan hartawan besar daripada kaum lain.

Selain itu DEB juga menolong mempercepatkan perkembangan golongan pertengahan. Pada permulaan zaman merdeka, sebilangan besar golongan pertengahan Melayu terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang berkhidmat dengan kerajaan. Dengan galakan-galakan yang diberi dalam bidang perniagaan, timbul pula pengusaha dan peniaga sederhana dan eksekutif ekonomi. Universiti dan maktab yang lebih banyak menambahkan lebih ramai orang yang menerima kelayakan dan terus

bekerja dalam bidang ikhtisas sebagai doktor, peguam, jurutera dan sebaginya. Ada yang naik lebih tinggi dalam bidang politik dan ekonomi, akan tetapi, ramai juga yang terus dalam golongan pertengahan saja, dengan mempunyai kekayaan dan pendapatan yang agak lumayan, akan tetapi tidak setinggi yang diperolehi golongan elit tadi.

Di peringkat rendah perubahan berlaku juga. Ekonomi pertanian semakin kurang pentingnya, berikutan perkembangan industri. Ramai orang kampung, oleh kerana desakan hidup ataupun galakan khususnya daripada pemimpin-pemimpin politik pemerintah, berhijrah ke bandar untuk bekerja di kilang-kilang yang bertambah banyak didirikan dengan menggunakan modal tempatan atau asing.

Sekarang ini, bilangan pekerja Melayu bertambah ramai. Dulu kebanyakan mereka dalam sektor awam, khususnya yang berpakaian sergam selaku polis, asykar, pekerja kumpulan IMG dan sebagainya. Kini bilangan mereka dalam sektor swasta di kilang dan pejabat bertambah dengan pesat. Berbeza dengan keadaan dua puluh tahun dulu, bilangan pekerja Melayu kini sudah mulai mengatasi pekerja bukan-Melayu.

Perubahan struktur, institusi, petugas dan peranan dalam masyarakat mengubah juga budaya hidup dan cara berfikir di kalangan rakyat. Perubahan serta pemodenan kadang-kadang membuat mereka menentang tradisi lama dan orang yang memainkan peranan lama. Dengan sendirinya berlaku perubahan sikap serta pandangan terhadap raja serta pembesar, misalnya. Akan tetapi, seperti yang disebut dalam bab lalu, kita tidak mengetahui dengan tepatnya sejauh manakah perubahan yang telah berlaku.

Kita boleh menganggarkan bahawa semakin ramai golongan elit politik serta ekonomi baru dan golongan

menengah kurang senang dengan kuasa serta keistimewaan berlebihan yang berada pada raja; barang kali ramai juga di antara mereka yang tidak suka dengan institusi raja itu sendiri. Mungkin sikap yang sama semakin meluas di kalangan pekerja juga. Akan tetapi sulit hendak diagak atau dianggarkan bagaimana keadaan sebenarnya di kalangan petani-petani di kampung. Sikap dan nilai di kalangan setengah-setengah orang dan golongan saja belum memadai untuk menimbulkan pertentangan yang kuat serta menyeluruh terhadap raja.

## PERTELINGKAHAN

Namun demikian, sejak Merdeka dulu, beberapa pertelingkahan dan krisis telah berlaku antara raja-raja dengan anggota-anggota elit politik baru, terutamanya menteri-menteri kerajaan. Kita bicarakan di sini empat kes.

### *i. Perak*

Pertama ialah kes perbezaan di antara Raja Idris dengan Menteri Besar Perak yang pertama dipilih selepas Merdeka, iaitu Datuk Ghazali Jawi, yang juga menjadi kertua UMNO negeri Perak waktu itu. Khabarnya, raja Perak tidak begitu suka pada Menteri Besarnya dari mula-mula lagi. Hubungan antara mereka bukan saja tidak mesra, bahkan selalu tegang. Kemuncaknya sampai, oleh kerana krisis tertentu, apabila Sultan mendesak supaya Ghazali diberhentikan dari jawatannya. Untuk menguatkan desakannya, Sultan tidak mahu mencukur janggut dan misainya sehingga Ghazali tidak lagi menjadi Menteri Besar. Tunku Abdul Rahman, sewaktu itu Perdana Menteri, terpaksa campur

tangan. Akhirnya, Ghazali ditarik menjadi Menteri pusat, dan tempatnya diganti oleh orang lain.

## *ii. Pahang*

Kes kedua berlaku di Pahang, di antara Sultan Pahang dengan Menteri Besarnya, Datuk Abdul Rahim Bakar, pada awal tahun lapan puluhan. Mengikut ceritanya, pada hari pertama beliau menjalankan tugas sebagai Menteri Besar, Rahim telah menerima surat daripada raja, meminta 30,000 ekar kawasan balak. Raja menganggap bahawa kawasan itu mudah akan diberikan kepadanya. Belumpun lagi kelulusan diberikan, raja telah menjual hak membalak di kawasan itu kepada seorang saudagar Cina dengan harga 21 juta ringgit. Antara sebab Sultan memerlukan kawasan balak yang luas dan wang yang banyak ialah kerana beliau selalu ke luar negeri untuk bersuka-suka sambil bermain sejenis mainan mengadu nasib. Belanjanya besar dan kadang-kala beliau kalah teruk.

Rahim tidak meluluskan permohonan untuk kawasan itu. Sebagai tindakan balasnya; raja tidak mahu memperkenankan rang undang-undang wang yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri. Ini menimbulkan berbagai-bagai kesulitan, akan tetapi Rahim terus tidak hendak berganjak. Waktu itu Datuk Hussein Onn menjadi Perdana Menteri. Khabarnya empat kali Hussein menolak desakan daripada pihak raja Pahang supaya memberhentikan Rahim. Apabila Mahathir naik menggantikan Hussein, beliau segera bertindak mengikut kehendak raja. Rahim digugurkan sebagai Menteri Besar Pahang dan kemudiannya diangkat sebagai seorang Timbalan Menteri Pusat. Tempatnya diganti oleh Datuk Najib Tun Razak, yang telah meluluskan 7,000 ekar untuk Sultan.

### *iii. Krisis Perlembagaan*

Yang ketiga ialah kes bersabit percubaan untuk meminda Perlembagaan pada tahun 1983. Pindaan yang dibuat ialah untuk memastikan supaya rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen terus berkuatkuasa sebagai undang-undang tanpa perlu diperkenankan oleh Yang Di-Pertuan Agong. Mengikut Perlembagaan yang ada, setiap rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen hendaklah diperkenankan oleh Agong dahulu dengan menandatanganinya dan menurunkan cop Mohor Besar. Selagi perkenan tidak diberikan, selagi itulah rang itu tidak menjadi undang-undang yang sah. Ada pandangan bahawa pindaan ini dikemukakan oleh kerana pengalaman buruk di Pahang dan juga Mahathir hendak membuat persediaannya sebelum raja Johor menjadi Yang Di Pertuan Agung.

Percubaan Mahathir ini ditentang oleh raja-raja kerana mereka menganggap pindan itu bukan saja berlawanan dengan Perlembagaan, bahkan akan mengurangkan lagi kuasa raja. Pendirian raja-raja disokong kuat oleh beberapa buah parti pembangkang, termasuk DAP dan PAS, dan badan-badan kepentingan awam (atau bukan-kerajaan), terutama sekali Aliran. Mereka bimbang bahawa oleh kerana Barisan Nasional mempunyai majoriti lebih daripada dua-pertiga dalam Parlimen, maka dengan mudah, ia boleh menggunakan majoriti itu untuk meluluskan berbagai-bagai undang-undang dan juga meminda Perlembagaan tanpa ada apa-apa kawalan. Lagi pula, pindaan ini boleh memberikan kuasa yang lebih besar kepada Mahathir dan dengan senang boleh menimbulkan pemerintahan yang bercorak kuku-besi.

Oleh kerana bangkangan kuat, akhirnya Mahathir berundur. Walau bagaimanapun, beliau telah dapat

mencapai satu kompromi, yang berupa pindaan Perkara 66 (4A) dalam Perlembagaan. Mengikut pindaan ini, Agong hendaklah memperkenankan rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen dalam tempoh 30 hari. Jikalau baginda berkenan, maka rang itu berkuatkuasa sebagai undang-undang selepas tamat tempoh tersebut.

Sebaliknya, jikalau Agong tidak bersetuju dengan mana-mana rang selain daripada rang undang-undang wang, maka beliau hendaklah mengembalikan rang itu kepada Parlimen, dengan kenyataan menjelaskan sebab-sebab ia tidak disetujui. Parlimen hendaklah membincangkan sekali lagi rang itu dan, selepas mendapat persetujuan lebih dua-pertiga, mengembalikannya semula kepada Agong. Kali ini rang itu akan menjadi undang-undang, walaupun tidak diperkenankan oleh Agong dalam tempoh 30 hari.

Sebenarnya, pindaan ini melibatkan kedudukan raja, dan oleh itu sepatutnya dipersetujui dulu oleh Majlis Raja-raja. Akan tetapi, persetujuan majlis itu tidak pernah diperolehi. Itu sebab itu kesahihannya dipertikaikan.

#### *iv. Kod Etika*

Kes keempat merujuk kepada peristiwa yang berlaku terutama sekali selepas Pilihanraya Umum 1990. Dalam pilihanraya ini, walaupun Barisan Nasional mendapat kemenangan di seluruh negeri, namun ia kalah teruk kepada Angkatan Ummah (terdiri daripada PAS, Semangat 46, Berjasa dan Hamim) di Kelantan. Pemimpin-pemimpin UMNO berpendapat bahawa kekalahan teruk di Kelantan itu disebabkan oleh campur tangan langsung Sultan Kelantan dalam politik. Sebenarnya, bukan ini saja yang menyebabkan kekalahan teruk UMNO itu. Walaupun begitu tidak

dapat dinafikan bahawa pengaruh raja adalah besar juga.

Sebelum pilihanraya, raja telah berkrisis dengan Menteri Besar dan oleh sebab raja popular di kalangan rakyat, maka ketua kerajaan Barisan Nasional di negeri itu bertambah merosot kedudukannya. Semasa pilihanraya, begitu jelas dilihat oleh rakyat bahawa raja mereka tidak memihak kepada Barisan. Saya yakin semua calon PAS dan Semangat boleh menang, walaupun tanpa sokongan raja. Akan tetapi, sokongannya itu memungkinkan calon-calon Angkatan menang dengan majoriti jauh lebih besar. Itulah sebabnya bidasan para pemimpin UMNO terhadap campur tangan raja dalam politik begitu hebat sekali.

Sebenarnya, UMNO tidak menentang campur tangan raja dalam politik sebagai satu prinsip. Sebabnya, ia tidak menentang raja-raja yang menyokong Barisan. Yang mereka tentang ialah campur tangan daripada raja-raja yang tidak menyokong mereka. Raja-raja yang tidak menyokong ini, khususnya raja Kelantan, dikritik dengan hebat dalam Perhimpunan UMNO pada tahun 1991. Ekoran daripada itu, Pusat mengambil tindakan untuk mengadakan satu kod etika bagi raja-raja. Tiga orang Naib-Presiden UMNO - Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Ahmad dan Datuk Sanusi Junid - beserta Tun Daim Zainuddin dan Datuk Rafidah Aziz, dihantar berunding dengan raja-raja untuk tujuan itu.

Rombongan UMNO ini menemui raja-raja (walaupun tidak semua hadir) untuk mengemukakan memorandum dan juga draf kod etika yang telah mereka siapkan. Dalam memorandum ini ditegaskan bahawa tujuan UMNO ialah untuk memastikan institusi raja itu dihormati oleh rakyat. Apa sebenarnya kandungan draf kod itu tidak begitu diketahui. Akan tetapi, khabarnya, draf itu ditolak hampir keseluruhan-nya dan, sebaliknya, draf yang dikemukakan oleh pihak

raja-raja sendiri menjadi asas versi dokumen yang akhirnya disetujui oleh kedua-dua pihak.

Dokumen ini mula-mulanya dirujuk oleh setengah-setengah pemimpin UMNO sebagai Perisyiharan Raja-raja. Akan tetapi, ia akhirnya diumumkan sebagai Perisyiharan Prinsip-prinsip Perlumbagaan saja. Ia semata-mata mengulangi segala prinsip berkaitan dengan kedudukan raja dan batas-batas penglibatannya dalam bidang politik dan ekonomi, sebagaimana yang memang sudah jelas tercatit dalam Perlumbagaan Malaysia. Tidak lebih daripada itu. Perisyiharan ini tidak ditadatangani oleh raja-raja sendiri, akan tetapi oleh Pemegang Mohor Besar, Engku Ibrahim Engku Ngah. Dalam upacara tanda tangan yang diadakan, raja-raja Johor, Kedah dan Kelantan tidak hadir.

Dalam pada itu banyak pihak bertanya: jika lalu hendak diadakan kod etika untuk raja-raja, mengapakah puja tidak diadakan kod etika untuk mengawal perilaku pemimpin-pemimpin pemerintah, khususnya menteri-menteri? Soalan ini berasas, oleh kerana memang diketahui umum bahawa ada pemimpin pemerintah yang menyalahgunakan kuasa, ada parti politik pemerintah yang terlibat dengan kegiatan perniagaan serta politik wang, dan ramai menteri menggunakan kuasa untuk mengaut kekayaan bagi memperkuuhkan kedudukan ekonomi dan politik mereka. Semua ini melanggar etika dan moral politik yang luhur.

## SERANGAN

Selepas itu, kontroversi mengenai kedudukan raja reda sekutika. Keadaan berkocak semula, manakala raja Kelantan dituduh melarikan sebuah kereta Lamborghini daripada pihak kastam, selepas kononnya enggan membayar cukai bagi kereta tersebut. Menteri

Kewangan berikrar mengambil tindakan tegas sehingga cukai berkenaan dibayar. Akan tetapi, pihak berkuasa negeri Kelantan mengemukakan alasan-alasan bahawa dari segi undang-undang sebenarnya raja tidak perlu membayar cukai tersebut. Akhirnya, Anwar Ibrahim mengumumkan bahawa perkara ini sudah selesai. Apakah bentuk penyelesaian tidak pernah diterangkan. Yang jelas ialah raja tidak membayar cukai kereta itu. Walau bagaimanapun, peristiwa ini dibesar-besarkan dalam media untuk menunjukkan keburukan raja.

Peristiwa Bukit Serene memberi peluang kepada penentang-penentang raja, terutama yang berhubung rapat dengan pemerintah, untuk memulakan sekali lagi serangan mereka ke atas institusi itu. Mula-mulanya peristiwa ini merupakan hanya kes undang-undang yang melibatkan perlakuan jenayah. Bagaimana hendak mengambil tindakan undang-undang ke atas Tengku Bendahara dan Sultan Johor, yang didakwa memukul dan mencederakan orang? Kemudiannya, kes ini bertukar menjadi kes membuat pindaan Perlembagaan yang boleh mengubah ataupun menjelaskan kedudukan raja.

Ramai orang marah terhadap penganiayaan yang dilakukan oleh raja Johor dan anaknya. Jadi, mudahlah mendapatkan sokongan banyak pihak untuk mencela tindakan zalim itu. Untuk meluaskan lagi kemarahan rakyat, pihak pemerintah menimbulkan pula permohonan tanah balak seluas 37,000 hektar oleh raja Pahang. Keburukan tingkah laku raja-raja boleh dijelaskan dengan lebih terang lagi. Mudah diyakinkan bahawa mereka bukan saja zalim akan tetapi tamak pula. Apabila kemarahan rakyat sudah meluas, mungkin pemimpin pemerintah berpendapat bahawa lebih senang untuk mencuba sekali lagi meminda Perlembagaan supaya kedudukan raja-raja dapat diubah dan kuasa

mereka dikurangkan. Itu sebabnya pindaan Perlembagaan yang berkenaan dicadangkan waktu ini.

Segala kes yang dihuraikan memberikan latar belakang kepada kontroversi sekitar istana Johor dan pindaan Perlembagaan yang hendak dikemukakan selepas peristiwa Bukit Serene. Jelas bahawa (a) sudah banyak pertentangan yang berlaku di antara raja dengan Menteri Besar di peringkat negeri dan dengan Perdana Menteri di peringkat Persekutuan, (b) apabila ada krisis dengan raja-raja ataupun skandal yang melibatkan mereka, maka pihak media massa akan digunakan seluas-luasnya dengan cara yang boleh merendahkan lagi martabat raja-raja, (c) ada usaha yang berterusan untuk memindah Perlembagaan supaya dapat dibataskan kuasa raja dan campur tangan mereka dalam hal politik dan ekonomi, dan (d) kelihatan tersirat tujuan jangka panjang untuk melemahkan, bahkan kalau boleh, menghapuskan institusi raja di negeri ini.

## PUNCA PERTENTANGAN

Apakah punca-punca yang menyebabkan pertentangan di antara raja dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan? Pertama, memang ada raja yang kadang-kadang keterlaluan sangat - sentiasa hendak dihormati; suka datang terlalu lewat untuk majlis-majlis (termasuk solat Jumaat) sehingga orang terpaksa menunggu lama; mengenakan bayaran denda berlebihan atau kadang-kadang mencederakan orang jikalau tidak mengenepikan kenderaannya apabila kenderaan raja lalu atau memotong kenderaan raja itu; menempeleng atau memukul orang kerana membuat kesilapan atau membuat sesuatu yang tidak disukai; dan bahkan memukul orang sehingga mati.

Kedua, ada pula raja yang menggunakan kedudukan

mereka untuk mendapatkan berbagai-bagai keistimewaan, yang kadang-kadang seolah-olah tidak ada batasnya, seperti: meminta peruntukan kewangan banyak untuk menghiasi, membaiki dan juga membina istana; meminta bantuan kerajaan atau konsesi balak dan peluang-peluang ekonomi yang lain untuk membolehkan mereka berboros, berfoya atau berjudi; dan, mengadakan majlis-majlis sambutan perkahwinan atau hari jadi secara besar-besaran.

Ketiga, dianggap oleh banyak pihak bahawa institusi raja itu adalah mulia dan patut disanjung, akan tetapi dirasakan pula oleh setengah-setengah daripada mereka bahawa ada beberapa orang raja yang tidak memainkan peranan atau menjalankan tugas sesuai dengan tuntutan kemuliaan serta kehormatan institusi itu. Ertinya mereka tidak memenuhi peranan yang diharapkan (atau "role expectation"). Faktor pertama dan kedua di atas ada kalanya menimbulkan kemarahan bahawa setengah-setengah raja kadangkala ataupun selalu menyalahgunakan institusi yang mereka duduki. Oleh itu mereka perlu ditegur dan disanggah.

Akan tetapi, faktor keempat, iaitu yang paling penting sekali ialah perebutan untuk menguasai sumber kuasa politik dan ekonomi di antara elit lama, yang diketuai oleh raja, dengan elit baru, yang dipimpin oleh Perdana Menteri. Seperti yang diterangkan, para pemimpin politik pemerintah merupakan golongan elit baru yang bertambah kuat. Golongan elit lama sering merasakan bahawa elit baru sentiasa cuba hendak menghakis kuasa dan pengaruh raja supaya kuasa dan pengaruh mereka sendiri bertambah. Ada pula menteri, sebaliknya, merasakan bahawa kadang-kadang setengah-setengah raja menjadi batu penghalang kepada rancangan politik mereka. Oleh yang demikian timbul perasan curiga-mencurigai di antara kedua-dua pihak.

Selain itu hartawan korporat besar yang lebih ramai dan hebat lagi sekarang sentiasa mahu mencari peluang ekonomi yang bertambah luas. Kebanyakan mereka ini dari golongan pemimpin politik pemerintah atau kumpulan di sekeliling pinggang mereka. Ada kalanya, projek-projek, tanah kerajaan, kawasan balak, saham dan lain-lain yang boleh mendatangkan keuntungan besar, yang mereka kehendaki, juga dikehendaki oleh raja-raja. Dengan demikian, timbulah perebutan.

Oleh sebab ikatan di antara pemimpin politik pemerintah dengan hartawan dalam golongan elit baru ini bertambah kuat, maka mereka merasakan lebih yakin serta berkemampuan untuk mencabar golongan elit lama. Terutama sekali dalam sepuluh tahun yang lalu, dalam zaman Mahathir memimpin Malaysia, pertentangan di antara golongan-golongan elit baru dengan elit lama nampaknya bertambah runcing. Pertentangan itu terjelma ataupun tercetus dalam bentuk berbagai-bagai peristiwa yang telah kita lihat dari semasa ke semasa. Pada masa yang sama banyak juga kompromi yang telah dibuat oleh Dr Mahathir dengan raja-raja.

Sekarang, para pemimpin politik pemerintah memperlihatkan kekeciwaan serta kemarahan amat sangat terhadap tingkah laku setengah-setangah raja yang dianggap bersifat keterlaluan. Akan tetapi, tidak dapat dinafikan bahawa kemanjaan dan keterlaluan yang ditunjukkan oleh raja-raja dan keluarga mereka sebenarnya berpunca daripada tindakan pemimpin-pemimpin politik pemerintah yang membentarkan dan menggalakkannya. Pada masa yang telah sudah-sudah, kebanyakan yang diminta atau didesak oleh raja-raja dengan mudah disetujui pemimpin-pemimpin tersebut. Hendakkan helikopter, dibelikan helikopter; hendakkan kereta mewah, diberikan kereta mewah; hendakkan istana baru dibinakan istana baru; hendakkan konsesi

balak, diluluskan konsesi balak; hendakkan tanah yang boleh dimajukan, diberikan yang sama. Begitulah seterusnya.

Kini, bertambah kuat dirasakan bahawa segala kemanjaan dan keterlaluan ini tidak boleh dilayan tanpa batas. Lagi pula, banyak perkara yang dikehendaki atau dituntut oleh setengah-setengah raja diidamkan juga oleh setengah-setengah pemimpin politik pemerintah serta suku-sakat mereka. Dari segi kepentingan sendiri, elit baru merasa lebih terdesak untuk bertindak tegas terhadap elit lama. Maka itulah, pemimpin-pemimpin politik pemerintah, khususnya Mahathir, lebih berazam untuk sekali lagi meminda Perlembagaan supaya boleh membataskan apa yang mereka fikir tindakan keterlaluan serta keistimewaan berlebihan raja-raja.

## IMUNITI

Pada hari ini, kontroversi yang paling meluas ialah mengenai pindaan Perlembagan terhadap imuniti raja-raja dari segi undang-undang. Banyak pihak dan ramai orang merasakan bahawa raja-raja tidak patut terletak di atas undang-undang dan patut didakwa, dibicara dan dihukum sekiranya sabit melakukan kesalahan jenayah ataupun sivil. Akan tetapi, tidak kurang pula orang bertanya: mengapakah pemerintah tidak mengambil tindakan terhadap imuniti untuk dirinya sendiri? Menteri Hal-ehwal dalam Negeri boleh menangkap dan menahan seseorang bertahun-tahun tanpa bicara di bawah ISA. Bukankah ini satu kezaliman? Mengapakah menteri berkenaan dan pemerintah tidak boleh dibawa ke mahkamah kerana kezaliman mereka?

Begitu juga, di bawah Akta Pengambilan Tanah, Kerajaan boleh mengambil tanah milik perseorangan, asal saja dianggap oleh pemerintah sebagai perlu untuk

kepentingan awam. Sekarang ini, tanah boleh diambil, umpamanya untuk mendirikan kondominium atau padang golf. Tidak perlu pemerintah sendiri yang memajukan projek-projek itu, bahkan boleh diserahkan kepada siapa saja. Sekiranya pemerintah mengambil tanah di bawah Akta ini, sifemilik tidak boleh mendakwa pemerintah atau Menteri berkenaan ke mahkamah kerana pengambilannya. Ertinya, mereka mempunyai imuniti undang-undang. Yang boleh dipertikaikan dalam mahkamah cuma jumlah ganti-rugi yang hendak dibayar.

Baru-baru ini, seorang pembesar Kerajaan daripada MIC telah dituduh melakukan perbuatan seks liar ke atas beberapa orang wanita dan merakamkan dalam pita video segala perbuatan lucu yang dilakukannya. Perkara ini telah didedahkan dalam Parlimen dan melalui media massa. Ada seorang mangsa yang telah membunuh diri kerana malu. Akan tetapi akhirnya pihak polis, khabarnya dengan pengetahuan Peguam Negara, telah memusnahkan pita-pita yang penting sebagai bukti. Bukankah ini satu cara yang salah untuk menyelamatkan seorang berkedudukan tinggi, yang dituduh melakukan jenayah? Mengapakah ia hendak diselamatkan?

Begitu jua, sebelum dari itu, nama seorang Timbalan Menteri telah dibabitkan dengan kes pembunuhan seorang wanita, ada yang mengatakan isterinya dan ada pula yang mengatakan simpanannya. Akan tetapi, sehingga kini, tidak ada tanda bahawa kes ini disiasat oleh polis. Apakah tindakan yang diambil ke atas Timbalan Menteri tersebut.

Kita tahu dua kezaliman tidak akan menjadikan satu keadilan. Oleh kerana itu kezaliman yang dilakukan oleh raja-raja dan juga menteri-menteri tidak boleh dipandang ringan dan dibiarkan begitu saja. Saya

bersetuju supaya imuniti raja itu dihapuskan. Akan tetapi, imuniti yang diberikan kepada pemerintah atau para menteri atau mereka yang berpangkat wajiblah juga dimansuhkan. Dengan demikian barulah keadilan bukan saja dilaksanakan, akan tetapi, kelihatan dilaksanakan.

## **IV**

### **PERBANDINGAN**

**S**epanjang kontroversi tentang kedudukan raja dan pindaan perlembagaan, beberapa orang pemimpin pemerintah berulang kali menegaskan bahawa pemerintah tidak berniat hendak menghapuskan institusi raja. Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri, telah menjelaskan perkara ini dalam ucapannya ketika membentangkan resolusinya di Parlimen pada 10hb Disember 1992. Diperturunkan di bawah ini petikan daripada ucapan itu.

Kata Ghafar: "Sekali lagi kerajaan menegaskan pendiriannya mahukan Institusi Raja Berperlumbagaan dikekalkan di negara ini. Walau bagaimanapun kerajaan mempunyai tanggungjawab sepenuhnya bagi menegur dan memperbetulkan apa-apa juga kesilapan yang didapati telah dilakukan oleh mana-mana juga raja-raja Melayu.

"Bahkan tindakan kerajaan ini adalah dibuat dengan ikhlas dan bertujuan untuk mengekal dan mempertahankan Institusi Beraja sebelum rakyat jelata sendiri bertindak liar terhadap raja-raja yang mungkin tidak boleh dikawal lagi akhirnya.

"Sejarah telah menunjukkan dengan jelas beberapa peristiwa telah berlaku di beberapa buah negara dalam

dunia di mana rakyat telah hilang kesabaran dan mengambil tindakan di luar perlembagaan dan undang-undang untuk menjatuhkan raja-raja mereka, sehingga akibat apa yang berlaku sekarang ini jumlah raja-raja di seluruh dunia semakin sehari semakin berkurangan jumlahnya."

Mengikut kiraan setengah-setengah orang, bilangan raja dalam dunia sekarang ini kurang daripada 30 orang. Kira-kira sepertiga daripada mereka bersemayam di negeri-negeri Melayu. Al-Malik Farouk, selepas revolusi yang menjatuhkannya di Mesir, pernah meramalkan bahawa akhirnya akan tinggal hanya lima orang raja sahaja di seluruh dunia. Empat daripadanya ialah raja-raja daun terup (pakau) dan yang satu lagi Raja Inggeris.

Dari segi sejarah Inggeris, kedudukan raja telah diperkuatkan untuk melemahkan kuasa kaum bangsawan lain. Sekarang, nampaknya institusi raja di England sering diserang dan akhbar-akhbar selalu mengambil peluang mendedahkan skandal yang melibatkan keluarga diraja Inggeris. Bahkan ada anggota parlimen Inggeris yang sudah mengusulkan supaya institusi raja di England ditamatkan saja.

Untuk memahami apa yang dimaksudkan dengan kata-kata Ghafar dan Farouk tadi, baik juga kita melihat beberapa gerakan di beberapa buah negara, yang akhirnya menghapuskan raja-raja mereka. Dengan ini, kita boleh membuat perbandingan dan belajar dari sejarah, dan boleh jadi juga dapat memahami lebih mendalam lagi apa yang sedang berlaku di negeri kita sendiri. Kita akan membicarakan beberapa kes, iaitu di Perancis, Jepun, Indonesia serta India, dan Iran.

## PERANCIS

Sebelum berlakunya Revolusi Perancis, sistem masyarakat di negara itu berbentuk feudal dengan raja

memainkan peranan terpenting dalam segala bidang. Pemerintahan ini selalu disebutkan sebagai "ancien régime" (ataupun regim lama). Konsep tradisional regim lama ini memperlihatkan berbagai-bagai ciri, termasuk, antara lainnya: penentuan kuatkuasa pentadbiran, cukai berbeza-beza, keistimewaan bagi golongan tertentu, korupsi dan ketiadaan penyertaan rakyat dalam hal ehwal negara.

Di antara raja Perancis yang terkenal ialah Louis XIV. Beliau sangat kaya, berkebolehan tinggi dan popular di kalangan rakyat. Beliau memerintah lama dan telah mendirikan istana terindah dan terbesar di Eropah pada masa itu, yang diberi nama Versailles. Setelah meninggal dunia beliau diganti oleh anaknya Louis XV, seorang raja yang tidak berkebolehan dan tidak disukai rakyat. Kemudian, Louis XVI, cucu kepada Louis XV, pula menaiki takhta. Beliau inipun tidak cekap dan dibenci rakyat. Isterinya, Marie Antoinette, paling tidak popular, bukan semata-mata kerana beliau keturunan diraja Austria, yang memang sudah lama dimusuhi oleh rakyat Perancis.

Dalam abad ke-18 Masehi, di bawah pemerintahan ketiga-tiga Louis ini, Perancis menyaksikan banyak perubahan. Industri membangun dengan pesat dan perdagangan dengan dunia luar, termasuk Amerika dan China, meluas. Proses pertumbuhan bandar pun berkembang dengan cepat. Golongan-golongan baru timbul dalam masyarakat, seperti golongan pertengahan serta "bourgeoisie" (burjuis atau orang kaya baru) dan golongan pertengahan. Selain itu mulai tumbuh juga golongan pekerja. Dalam bidang politik dan ekonomi, mulai timbul persaingan serta perselisihan di antara golongan burjuis dengan golongan bangsawan lama, dan terdapat juga persaingan di antara golongan burjuis dengan golongan baru yang lain, termasuk golongan pekerja.

Pada masa yang sama, golongan petani yang lama masih wujud di luar bandar. Mereka mulai merasa gelisah dengan sistem penyewaan tanah dan tidak senang dengan beban cukai yang bertambah tinggi, yang sebahagian besarnya digunakan untuk kesenangan hidup golongan bangsawan, khususnya raja. Berbeza dengan golongan bandar yang tidak puas hati dengan ketidakcekapan pemerintahan dan salah tadbir perbelanjaan cukai yang dikutip, petani-petani hanya mahukan jumlah cukai yang dibebankan ke atas mereka diturunkan.

Kegelisahan politik dan ekonomi ini ditambah pula oleh perubahan dari segi pemikiran, yang dibawa terutama sekali oleh zaman Cahaya Pencelikan (atau "Enlightenment") di Eropah. Ramai ahli falsafah dan pemikir politik menulis tentang keburukan "ancien regime", di antaranya Voltaire dan Rousseau. Buku-buku mereka luas dibaca. Mereka bukan saja mengecam sistem serta pemikiran lama, bahkan mengembangkan idea tentang pentingnya tiga perkara untuk perubahan dan kemajuan, iaitu pemikiran rasional, semangat kebangsaan dan sifat individu yang kuat.

Penentangan terhadap raja dan golongan bangsawan bukan berpunca semata-mata daripada keborosan mereka. Peperangan Perancis dengan England yang berlarutan mengakibatkan krisis politik dan kewangan yang serius. Di bandar-bandar terdapat berbagai-bagai kumpulan yang menentang kerajaan. Berlaku pertentangan di antara golongan bangsawan yang berkeistimewaan serta pemerintah yang bertambah rasuah dengan bermacam-macam jenis reformis di bandar. Bahkan golongan burjis sudah mulai disertai sebilangan kecil daripada golongan bangsawan yang hendakkan perubahan dan menentang "ancien regime".

Di kawasan luar bandar pula, undang-undang serta

ketenteraman awam semakin runtuh, dan penentangan terhadap cukai, yang semakin membebankan, bertambah kuat. Petani-petani kian gelisah dan mereka juga menyuarakan penentangan. Berbagai-bagai golongan disatukan oleh tujuan politik yang sama, iaitu untuk meruntuhkan sistem feudal dan menghapuskan berbagai-bagai institusi yang berhubungan dengan negara, gereja dan golongan bangsawan yang terlalu banyak keistimewaannya. Inilah yang mengancam kedudukan mahkota Perancis, kerana ia berkaitan rapat dengan semua ini.

Slogan perjuangan rakyat yang muncul ialah "Liberte, Equalite, Fraternite", iaitu "Kebebasan, Persamaan, Persaudaraan". Rakyat mengambil berbagai-bagai tindakan untuk menyatakan penentangan mereka; rakyat juga membentuk kumpulan-kumpulan bersenjata (atau "militia") sendiri. Raja cuba menggunakan kekuatan tentera, untuk menundukkannya akan tetapi tidak ada kesannya.

Pada suatu ketika raja telah memecat jawatan Jacques Necker, seorang yang dihormati sebagai reformis, daripada jawatannya dalam kerajaan. Ini mencetuskan tunjuk perasaan secara sponton di merata tempat. Kemuncaknya pada 14hb Julai 1789 Bastille, sebuah penjara dalam kota, yang menjadi simbol kekuasaan raja, telah diserang oleh rakyat, dengan bersenjatakan pisau, cangkul, sabit dan senjata api yang ringan.

Dewan Kebangsaan Perancis masa itu dikuasai oleh raja dan dianggotai sebilangan besarnya oleh golongan kaya. Pada suatu masa, Dewan itu telah diambil-alih oleh rakyat. Ia mengisyiharkan hendak menamatkan sistem feudal, dan kemudian, mengumumkan Perisyiharan Hak Manusia dan Rakyat, yang menegaskan semua orang Perancis adalah setaraf dan negara Perancis adalah

bersatu-padu. Raja serta keluarganya lari bersembunyi. Pada pertengahan tahun 1791, mereka cuba melarikan diri, akan tetapi telah ditangkap.

Dalam keadaan terperangkap raja, segera menerima Perlembagaan yang baru dan mengangkat sumpah taat setia kepada negara. Tidak lama selepas itu, beliau mengisyiharkan perang ke atas Bohemia. Golongan bangsawan sukaan perang ini kerana boleh menjadi asas untuk meningkatkan perniagaan mereka. Sebaliknya golongan burjuis menentang kerana perang akan mengakibatkan belanja besar dan kenaikan cukai yang membebankan rakyat. Dalam peperangan ini tentera Perancis mengalami kekalahan. Negara Perancis menghadapi krisis politik nasional serta krisis kewangan. Ia menjelaskan kedudukan raja. Pada 10 Ogos 1792, maka raja Louis XVI digulingkan. Bermulalah sejarah Perancis sebagai sebuah negara republik.

## JEPUN

Di Jepun, perkembangannya berlainan. Selama kira-kira dua ribu tahun Jepun mempunyai seorang Maharaja, akan tetapi ia tidak berkuasa di seluruh negara. Pada masa-masanya, boleh dikatakan yang paling berkuasa ialah "Shogun", iaitu ketua tentera yang mempunyai markas dikenali sebagai "Bakufu". Terdapat lebih daripada 200 buah wilayah, masing-masing di bawah seorang "Daimyo" yang sangat berkuasa ke atas wilayahnya. Di bawah Daimyo, terdapat golongan pahlawan yang bergelar "Samurai"; mereka taat dan berani, sentiasa bersenjatakan pedang dan mempunyai potongan rambut tersendiri.

Masyarakat Jepun berbentuk feudal, berasaskan penguasaan ke atas tanah dan kegiatan pertanian. Susulapis masyarakatnya agak mudah. Golongan

paling tinggi dalam susunan ini ialah golongan bangsawan (yang dikenali sebagai "Kazoka", terdiri daripada Maharaja dan Daimyo serta keluarga mereka); di bawahnya ialah golongan samurai pertengahan (dikenali sebagai "Shizoku"), dan selepas itu, lain-lain samurai (dikenali sebagai "Sotsuzoku"). Golongan paling rendah sekali ialah rakyat biasa (dikenali sebagai "Haimin").

Sejak abad ke-17 Masehi, banyak orang dari Barat sampai ke Jepun, di antaranya Portugis, Spanyol, Belanda dan British. Yang akhir sekali ialah orang Amerika, yang memerlukan tempat perlabuhan dan perlindungan, terutama sekali bagi nelayan-nelayannya (yang memburu ikan paus) dan saudagar-saudagar yang melakukan perdagangan. Akan tetapi, ramai rakyat Jepun tidak berapa suka negeri mereka dibuka luas sangat kepada orang-orang asing. Mereka menganggap ini suatu tanda kelemahan. Mereka berpendapat cara yang baik sekali untuk mengatasi kelemahan ini ialah dengan memulangkan kembali seluruh kuasa di Jepun kepada Maharaja.

Pada tahun 1866, Shogun Tokugawa yang sangat berkuasa meninggal dunia, dan seorang Shogun baru bernama Keiki menggantikannya. Tidak lama kemudian Maharaja Kemei pula meninggal dan beliau diganti oleh Maharaja Meiji. Ramai Daimyo meminta supaya Keiki menyerahkan kuasa kepada Meiji. Mula-mula, beliau menolak, akan tetapi, pada tahun 1867, beliau meletakkan jawatan dan memulangkan semua kuasa kepada Maharaja. Perkembangan bersejarah ini dikenali sebagai Pemulihan Meiji, yang merupakan satu titik perkembangan sangat penting bagi sejarah pemodenan Jepun.

Maharaja Meiji telah memerintah selama lebih 40 tahun dan membawa banyak perubahan. Tugas utamanya ialah untuk menyatupadukan seluruh Jepun.

Pada tahun 1871 beliau berjaya menghapuskan sistem feudal. Semua Daimyo meletakkan jawatan dan menyerahkan semua wilayah yang dikuasai mereka. Seluruh negara Jepun dibagikan kepada kawasan-kawasan pentadbiran baru (dikenali sebagai "Ken", ataupun "Prefecture"). Pada masa itu, terdapat sebanyak hampir 300 wilayah "fief" yang di bawah Daimyo masing-masing, dan semua wilayah ini telah dibagi semula kepada 72 buah ken. Tiap-tiap ken mempunyai Dewan Perhim-punannya sendiri dan ditadbirkan oleh seorang Gabenor.

Dengan perkembangan ini, sistem feudal hampir di negara Jepun; akan tetapi, institusi Maharaja terus hidup, dan bahkan diperkuatkan lagi. Jika dulu taat setia kepada raja dicurahkan kepada Daimyo, sekarang ia ditujukan kepada Maharaja dan negara. Jepun tidak menghapuskan rajanya untuk menjadi sebuah republik. Akan tetapi, ia tidak pula memberikan Maharaja kuasa yang mutlak; kini, beliau merupakan lambang kedaulatan dan perpaduan negara. Akan tetapi sistem Maharaja di Jepun ini masih merupakan masalah besar, kerana Maharaja dianggap dan dimuliakan seolah-oleh sebagai tuhan.

Sistem Maharaja ditentang oleh ramai rakyat Jepun. Namun demikian, sistem pemerintahan demokrasi diperluaskan dan rakyat mempunyai kuasa yang lebih daripada zaman feudal dulu dan menyertai segala urusan pemerintahan. Dengan kemunculan Jepun yang bersatu, semangat kebangsaan dimarakkan, melalui politik dan sistem pendidikan. Semangat inilah yang menjadi pendorong besar kepada proses pemodenan dan kemajuan Jepun.

## INDONESIA

Di kepulauan Jawa dan Sumatra, perubahan politik moden dicapai melalui perjuangan kemerdekaannya. Di

Pulau Jawa pernah wujud sebuah pemerintahan Majapahit yang sangat besar pengaruhnya. Sebelum itu, di Palembang, Sumatra, wujud pemerintahan Srivijaya, yang tidak kurang hebatnya. Pada zaman itu, corak masyarakatnya pun bersifat feudal. Raja dan bangsawan mempunyai "Keraton" ataupun kompleks istananya sendiri. Keraton merupakan pusat pemerintahan serta juga kegiatan seni dan budaya. Golongan keraton atau bangsawan memungut hasil daripada kegiatan pertanian yang dilakukan oleh rakyat jelata di kampung dan juga pedagang-pedagang.

Sistem pemerintahan ini berterusan sehingga kedatangan penjajah Barat; yang lama sekali menjajahi Indonesia ialah Belanda. Melalui penjajahannya, Belanda berjaya mengambil kuasa politik daripada golongan keraton, dan seperti di Malaysia di bawah British, urusan pentadbiran, pungutan cukai, penjagaan keamanan serta keselamatan dan penyelenggaraan kehakiman, semuanya diambil-alih oleh jabatan-jabatan serta pegawai-pegawai yang di bawah kuasa Mahkota Belanda. Dalam bidang ekonomi, muncul sistem di mana perusahaan ekonomi moden wujud sebelah-menyebelah dengan ekonomi tradisional.

Kegiatan ekonomi ini dan juga sistem pendidikan Belanda yang diperkenalkan, telah menimbulkan golongan pertengahan baru dalam masyarakat Indonesia. Berbagai-bagai aliran politik dari Barat - yang liberal hingga marxis - mempengaruhi fikiran golongan yang berpendidikan. Di bawah penjajahan, kehidupan rakyat jelata, khususnya di desa-desa, bertambah terdesak. Timbul juga kesedaran untuk menegakkan kebebasan dan maruah bangsa. Semua ini telah menimbulkan gerakan untuk mencapai kemerdekaan, dipimpin oleh Sukarno, yang mewakili golongan berpendidikan Barat.

Perjuangan kemerdekaan Indonesia adalah perjuangan berdarah. Sungguhpun kebanyakan rakyat menyokong kebangkitan kemerdekaan, akan tetapi sebahagian besar daripada golongan keraton kelihatan jelas memihak kepada penjajah Belanda. Ramai Ratu dan Raja membenarkan diri mereka diperalatkan oleh Belanda untuk menjalankan kuasa penjajahannya. Ini menimbulkan kemarahan di kalangan rakyat. Akibatnya, dalam pemberontakan terhadap penjajah Belanda, rakyat juga memberontak terhadap golongan keraton ini.

Hampir semua mereka yang bersubahat dengan penjajah Belanda telah dibunuhan ataupun digulingkan. Hanya sebilangan kecil saja, yang turut sama dalam perjuangan kemerdekaan dibenarkan, terus memegang kedudukan tradisi mereka. Di antaranya ialah Hamengku Buono. Beliau bukan saja dihormati sebagai ratu, bahkan kemudiannya telah diangkat sebagai Naib-Presiden Republik Indonesia.

## INDIA

Ini berbeza dengan apa yang berlaku di benua India. Di sana pun memang didapati banyak wilayah yang diketuai oleh Maharaja dan Sultan yang kaya-raya. Kebanyakan mereka bersekongkol dengan penjajah Inggeris semasa penjajahan. Bahkan Inggeris telah menurunkan ramai raja yang menentang mereka dan menaikkan pengganti yang boleh dijamin menyokong mereka. Dalam gerakan memperjuangkan kemerdekaan telah timbul juga kemarahan terhadap raja-raja ini. Nasib baik bagi mereka, gerakan kemerdekaan yang dipelopori oleh Gandhi adalah secara aman, berdasarkan "Satyagraha" yang tidak mahukan keganasan (walaupun keganasan selalu berlaku juga).

Raja-raja yang dibenci itu tidak dibunuhan. Mereka

hanya diberikan kata-dua. Sekiranya mereka sanggup turun dari takhta, mereka akan diberi pencen. Sekiranya mereka menolak, maka mereka akan diguling-kan. Khabarnya, pegawai-pegawai yang dihantar untuk menyampaikan kata-dua itu bukanlah tinggi sangat pangkatnya. Akan tetapi, hampir kesemua mereka bersetuju turun takhta dan menerima pencen. Maka dengan begitu Indiapun menjadi sebuah republik.

## IRAN

Apa pula yang berlaku di Iran, dulunya lebih terkenal sebagai Persia atau Parsi? Iran mempunyai sejarah empayar dan pemerintahan yang beribu-ribu tahun lamanya. Walaupun Shah Pahlavi, iaitu raja yang terakhir di Iran, telah memahkotakan dirinya di atas Singgahsana Merak, yang melambangkan kebesaran empayar Parsi lama, dan mendakwa dirinya keturunan maharaja-maharaja Parsi silam, namun hubungan darahnya dengan mereka dipertikaikan. Ayahnya telah diangkat sebagai raja oleh penjajah Inggeris. Hubungan Shah Pahlavi dengan British sangat rapat. Beliau juga menjalin hubungan erat dengan Amerika Syarikat.

Iran mempunyai sumber minyak yang banyak. Beberapa buah syarikat minyak yang besar dimiliki oleh modal Amerika. Dalam tahun lima puluhan, Perdana Menteri Iran bernama Mosaddeq telah mengambil langkah berani memiliki egarakar semua syarikat minyak yang dimiliki asing. Langkah beliau diberi sokongan kuat oleh rakyat, yang pada masa sama menentang Shah pula. Akibat desakan-desakan kuat ke atasnya, Shah telah meninggalkan Iran dan takhtanya. Akan tetapi, tidak lama kemudian, CIA telah mengupah kumpulan-kumpulan tertentu untuk menentang Mosaddeq dan menjemput Shah pulang. Ini berjaya

dilakukannya dan kerajaan Mossadeq pun jatuh dan beliau ditahan.

Hubungan Shah dan kerajaannya dengan Amerika Syarikat bertambah erat; beliau dilihat sebagai lebih mementingkan imperialis Amerika daripada rakyatnya sendiri. Dalam pada itu, hasil daripada kekayaan minyak petrol membolehkan Shah serta keluarganya hidup dengan segala kemewahan dan pembaziran. Dalam pada itu, beliau telah mempelopori proses pemodenan yang dianggap terlalu cepat, dan tidak disukai oleh golongan tradisional agama. Selain itu, percubaannya untuk memperkenalkan reformasi tanah ditentang oleh golongan pemilik tanah yang besar-besar. Kerajaan bertambah korup dan curang, pentadbiran tidak dijalankan dengan adil serta teratur, maka ramailah golongan berpendidikan Barat serta agama, gologan profesional dan golongan peniaga (khususnya yang digelar "bazari") marah kepada Shah.

Golongan-golongan yang paling kuat sekali menentangnya ialah golongan agama Islam dan juga golongan radikal. Perjuangan rakyat menentang Shah akhirnya berjaya. Shah Iran turun dari takhta dan keluar negeri dalam buangan. Berjuta-juta rakyat Iran selepas itu keluar pula untuk menyambut kepulangan Imam mereka, Ayatollah Khomeini. Selepas berlaku perjuangan berdarah di antara golongan-golongan yang dulunya bersama-sama menentang Shah, akhirnya Republik Islam Iran ditubuhkan pada awal April 1979.

Daripada contoh-contoh ini boleh disimpulkan bahawa perjuangan rakyat menentang sistem beraja raja adalah berlainan coraknya, dan membawa akibat yang berbeza-beza. Apabila rakyat bangkit menentang, tidak ada kuasa manusia yang dapat menahan mereka, dan akhirnya, institusi raja akan runtuh dan saki-baki sistem feudal juga roboh. Dalam perjuangan itu, ada raja yang

dibunuh dan ada pula yang dibenarkan turun takhta dan tinggal sebagai rakyat biasa dalam negeri ataupun dalam buangan. Akhir sekali, terdapat juga menentang usaha sistem feudal dan mengikis saki-bakinya, akan tetapi, dengan tidak menghapuskan institusi raja, seperti yang berlaku di Jepun dan England.

# V

## KESIMPULAN

**K**ita telah melihat bagaimana sistem feudal, dan sekaligus institusi raja, dihapuskan di beberapa negeri akibat rakyat bangkit menentangnya. Akan tetapi, ada juga keadaan di mana walaupun sistem feudal diruntuhkan, institusi raja terus dilanjutkan sebagai lambang semata-mata. Ini telah kita bincangkan dalam bab IV. Di samping itu, wujud juga sistem raja yang berkuasa mutlak, seperti di Saudi, Kuwait, Oman dan Brunei, yang asalnya dibentuk oleh penjajah Barat dan sampai sekarang didukung oleh kuasa-kuasa imperialis.

Raja-raja yang bernasib baik dilanjutkan usianyanya sebagai raja-raja beperlembagaan, walaupun berlaku revolusi anti-feudal di negeri masing-masing, seperti di England dan Jepun. Pada teorinya, mereka tidak dibenarkan melibatkan diri secara langsung dalam kegiatan serta urusan politik dan ekonomi. Akan tetapi, pada kenyataannya mereka sering terlibat dalam kedua-dua bidang ini.

Maharaja Jepun, Hirohito, dan raja England, George VI, telah mengisyitiharkan perang dan damai dalam abad ini, manakala Raja Thai, Bhumipol, dua kali

menyelesaikan krisis besar politik di negaranya pada tahun 1973 dan 1992. Pada umumnya, raja-raja ini boleh dikatakan popular, walaupun ada juga rakyat yang menentang mereka. Mereka sangat kaya; umpamanya, Ratu Inggeris, Elizabeth, adalah salah seorang wanita terkaya dalam dunia, hasil daripada harta warisan dan kegiatan ekonomi yang dijalankan bagi pihaknya.

Di kebanyakan negeri, raja-raja biasanya diberikan penuh kehormatan dan kemuliaan melalui berbagai-bagi upacara serta adat-istiadat gilang-gemilang. Ini adalah salah satu cara hendak menguatkan institusi itu di mata rakyat. Jarak sosial di antara raja dengan rakyat biasanya jauh; hanya sekali-sekala dalam sambutan-sambutan tertentu, baru mereka ditunjukkan bercampur-gaul dengan rakyat.

Akan tetapi, di setengah-setengah negeri, seperti di Sweden, Norway dan juga Belanda, raja sering memperlihatkan cara hidup simpel. Walaupun mereka tinggal di istana, sering sekali mereka ke sana ke mari dengan menaiki bas atau basikal saja. Mereka disukai oleh rakyat mereka.

Di Malaysia, belum nampak dalam agenda politik rancangan untuk menghapuskan institusi raja. Bahkan mengikut pindaan Perlembagaan yang akan dibentangkan oleh Kerajaan dalam sidang Parlimen pada 18hb Januari, perbincangan untuk menghapuskan raja tidak boleh dilakukan. Sudah lama raja-raja Melayu dianggap oleh ramai rakyat Melayu, khususnya, sebagai institusi yang boleh melindungi kedudukan serta keistimewaan mereka.

Bahkan sekarang ini ada yang mempertahankannya sebagai lambang ketuanan orang Melayu. Mereka beranggapan ini sangat penting untuk membantu orang Melayu, yang kebanyakannya tertinggal ke belakang

dalam berbagai-bagai bidang, khususnya ekonomi dan pendidikan.

Masyarakat Malaysia kini sudah banyak berubah. Kesan daripada rancangan-rancangan pembangunan yang dijalankan, kedudukan orang Melayu dalam bidang ekonomi dan pendidikan bertambah baik. Sekarang ini, raja-raja bukan saja untuk orang Melayu, bahkan untuk semua kaum yang menjadi warganegara. Raja sudah seharusnya menjadi tempat perlindungan dan harapan semua orang, terutama sekali dari golongan susah, miskin dan tertindas.

Orang Melayu tidak harus mengharapkan bantuan daripada keistimewaan yang dilindungi oleh raja semata-mata. Mereka perlu berusaha sendiri secara gigih dan memperkuatkan diri dalam bidang politik, ekonomi, sains dan teknologi, supaya boleh bersaing atas dasar yang kukuh dengan kaum dan bangsa lain. Hanya dengan demikian baru mereka akan dihormati serta disegani di dunia ini.

Di Malaysia, wujud keadaan yang unik sekali; kita mempunyai sembilan orang raja untuk sembilan daripada tiga belas negeri, dan seorang Yang Di-Pertuan Agong, yang dipilih oleh sembilan raja itu dari kalangan mereka, secara bergilir-gilir lima tahun sekali. Walaupun Perlembagaan dan Perisyntiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan tidak membentarkannya, namun ada di antara raja-raja yang secara tidak langsung, dan ada kalanya secara langsung, melibatkan diri dengan politik kepartian dan perniagaan serta pembalakan.

Dalam kegiatan atau urusan ini, mereka meletakkan diri bertentangan dan bersaingan dengan pemimpin-pemimpin politik pemerintah, yang semakin kuat kedudukannya. Dalam konteks sejarah yang lebih luas, kita melihat penjelmaan pertentangan serta persaingan

antara elit lama (atau tradisional) dengan elit baru (atau moden). Pertentangan serta persaingan sudah banyak kali berlaku, sebagaimana yang dihuraikan dalam bab III. Inilah antara punca yang mencetuskan revolusi rakyat.

Walaupun demikian, di Malaysia kedudukan raja-raja boleh dikatakan masih kuat. Banyak golongan serta individu menyokong dan bergantung pada mereka. Selanjutnya, raja-raja Melayu kini bukannya merupakan raja yang berkuasa penuh (atau "absolute monarch"), yang boleh dipertanggungjawabkan atau dipersalahkan sekiranya berlaku masalah dan kesususan di kalangan rakyat.

Dalam keadaan sekarang, raja-raja bukan lagi merupakan pemerintah. Pemerintah sebenarnya dipimpin oleh golongan baru yang berkuasa dan terbentuk melalui proses pilihanraya. Golongan pemerintah inilah yang seharusnya bertanggungjawab ke atas nasib dan masa depan rakyat. Mereka juga yang akan dipersalahkan sekiranya berlaku masalah dan kesulitan di kalangan rakyat akibat, misalnya, tindakan menghentikan DEB ataupun meletakkan Bahasa Malaysia pada kedudukan yang boleh diancam oleh Bahasa Inggeris, seperti yang sudah berlaku sekarang. Tentu sekali bukan raja-raja yang akan, atau patut, dipersalahkan dalam hal ini.

Akan tetapi, terdapat bermacam-macam tindakan, tingkah laku, pemborosan serta kemewahan cara hidup raja-raja yang menjadi tanggungjawab diri mereka sendiri. Tidak ada dalam undang-undang ataupun adat yang membenarkan sebarang raja memukul orang sampai mati atau cedera, ataupun mewajibkan pemerintah menggunakan wang rakyat untuk membayar hutang raja yang kalah judi.

Selama ini, banyak tindakan liar atau keterlaluan yang dilakukan oleh setengah-setengah raja, akan tetapi, nampaknya sehingga sekarang, pemimpin-pemimpin pemerintah tidak begitu mengambil endah. Bahkan ada tanda-tanda mereka membiarkan atau melayan apa sahaja kehendak setengah-setengah raja itu. Hanya selepas peristiwa Bukit Serene, barulah mereka merasa terdesak untuk bertindak tegas. Mungkin pada ketika ini, bangkai gajah sudah tidak boleh ditutup dengan nyiru lagi dan retak sudah membawa belah.

Akan tetapi, selepas peristiwa tersebut, soal yang timbul bukannya tentang menghapuskan institusi raja, akan tetapi, bagaimana hendak meminda Perlembagaan supaya boleh menghukum raja-raja yang zalim. Soal ini menjadi sulit oleh kerana Perlembagaan, yang dicipta oleh manusia dan pemerintah sendiri, meletakkan raja-raja di atas undang-undang. Mereka mempunyai imuniti. Jikalau ada perkara-perkara tertentu yang hendak dipinda, maka Perlembagaan menetapkan mesti diperolehi persetujuan daripada Majlis Raja-raja.

Pemerintah sekarang mahu menghapuskan imuniti raja-raja. Mengikut logiknya, raja-raja tidak mungkin bersetuju, kerana ia akan menjejaskan kedudukan dan keistimewaan mereka. Akan tetapi, dalam hidup ini kita mengetahui kebanyakan orang mempunyai harganya, dan akhirnya, perubahan ataupun sekurang-kurangnya kompromi boleh dicapai sekiranya harga yang memuaskan dibayar. Peristiwa Malayan Union menunjukkan bahawa raja-raja sendiri boleh bersetuju supaya mereka turun daripada takhta. Yang menaikkan mereka semula ialah rakyat.

Berikutnya usaha Perdana Menteri hendak meminda Perlembagaan, ada sebilangan rakyat merasa tidak puas hati. Mereka menganggap pemerintah sengaja

membenarkan kempen, melalui media cetak dan elektronik yang dikuasainya, untuk menjatuhkan maruah dan martabat raja. Walaupun ada juga kebenarannya, namun kita mesti ingat bahawa ada kalanya martabat raja-raja jatuh akibat kezaliman serta keterlaluan mereka sendiri.

Barangkali, oleh kerana ada tuduhan bahawa beberapa orang pemimpin pemerintah berniat untuk menghapuskan raja, dan dengan demikian menghapuskan sekali lambang kekuasaan dan keistimewaan orang-orang Melayu, maka Perdana Menteri sekarang terdesak untuk monokok perkara baru dalam Perlembagaan, yang menegaskan bahawa institusi raja tidak boleh dihapuskan. Dengan pindaan ini, pihak pemerintah sekaligus memberikan jaminan kepada raja-raja, yang bimbang akan hilang kuasa bahawa mereka tidak akan digulingkan, dan kepada golongan-golongan yang kuat hendakkan institusi raja bahawa pemerintah tidak berhasrat untuk menghapuskan institusi itu. Nampaknya inilah salah satu kompromi yang dikemukakan oleh pemerintah untuk memungkinkan pindaan lain dibuat.

Mengikut apa yang diterangkan oleh Mahathir dalam sidang akhbarnya pada 9hb Januari 1993, selepas menemui raja-raja secara tidak rasmi, pindaan akan juga dibuat untuk membolehkan raja-raja atau kerabat rapat mereka didakwa, dibicara dan dihukum kerana tindakan yang menyalahi undang-undang jenayah atau sivil. Akan tetapi, mereka akan masih mempunyai imuniti sekiranya tugas yang dijalankan ialah atas nasihat P.M. atau M.B.

Mengikut Mahathir lagi, sekiranya seseorang raja dijatuhkan hukum, maka terserahlah kepada Majlis Pangkuhan Raja untuk menentukan selepas itu sama ada ia sesuai untuk terus menjadi raja ataupun tidak. Bagaimanakah kita boleh mengharapkan bahawa anggota-

anggota Majlis Pangkuan yang dilantik raja itu hendak ataupun berani menurunkan raja?

Saya bersetuju bahawa penghapusan imuniti daripada didakwa kerana melakukan kezaliman atau penganiayaan adalah perlu supaya keselamatan rakyat dilindungi. Akan tetapi tidak lebih dari itu. Mengikut hukum Allah dan kehendak demokrasi, sewajarnyalah semua manusia dianggap dan dilayan sama belaka. Tidak ada gunanya darjat yang tinggi dan imuniti dari segi undang-undang dipertahankan sekiranya ia boleh melepaskan seseorang raja daripada didakwa, dibicara dan dihukum kerana melakukan kezaliman ke atas rakyat.

Perlu ditegaskan bahawa bukan hanya raja yang zalim, dan bukan mereka saja mengaut kekayaan dengan tamak, dan hidup dengan cara terlalu mewah. Tidak kurang pula menteri ataupun hartawan yang zalim dan curang. Apakah yang lebih zalim daripada menangkap orang dan menahannya bertahun-tahun di bawah Akta Keselamatan (ISA) ataupun merampas tanah milik rakyat dengan menggunakan Akta Pengambilan Tanah? Anehnya, pemerintahn dan menteri berkenaan mempunyai imuniti juga. Tidak siapa yang boleh atau pernah didakwa, dibicara dan dihukum kerana kezaliman mereka menggunakan kedua-dua akta ini.

Tambahan lagi, banyak salah guna kuasa, ketidak-adilan, kecurangan salah tadbir dan pembaziran yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin pemerintah serta konco-konco dan suku-sakat mereka. Mereka membutakan mata, menulikan telinga serta mengelukan lidah terhadap berbagai-bagai jenayah serta kesalahan yang dilakukan mereka serta kelompok mereka sendiri. Media massa (khususnya setengah akhbar) berat sebelah dan sering memutarbelitkan cerita. Parti-parti polirik dan

golongan-golongan lain yang tidak menyetujui pemerintah tidak dibenarkan mengadakan rapat-rapat umum untuk menjelaskan pendirian mereka.

Bekas Menteri Kewangan pernah dituduh menerima wang rasuah daripada Syarikat Sagawa, di Jepun. Perkara ini didedah oleh sebuah majalah antara bangsa. Jikalau tidak bersalah, mengapakah beliau tidak mendakwa majalah itu? Sebaliknya, jikalau tuduhan serta pendedahan itu berasas, mengapakah tidak ada penyiasatan dibuat dan tindakan undang-undang diambil ke atasnya? Begitu juga dengan skandal saham Maika. Mengapakah tindakan dilengah-lengahkan? Skandal pita lucu telah sering disebutkan.

Jadi, di manakah keadilan, persamaan hak dan demokrasi yang dikatakan hendak ditegakkan oleh pemerintah sekarang? Berapa banyakkah ukuran nilai yang digunakan?

Sebagai kesimpulan, nampaknya buat masa yang lama lagi, institusi raja akan terus dipertahankan di negeri ini. Soalnya ialah: bagaimanakah ia akan menyesuaikan diri atau disesuaikan mengikut kehendak perubahan, kemajuan, permodenan, demokrasi, keadilan, nilai agama serta adat? Tidak ada salahnya wujud raja dalam satu-satu sistem politik, asalkan ia tidak zalim, berkemanusiaan, bertaqwah, bijaksana, tidak tamak haloba dan tidak membazir, dan sekiranya amalan terlalu membeza-bezakan darjah serta jiwa hamba dapat dilenyapkan. Raja seperti ini sebenarnya boleh menjadi pengimbang dan pengawal yang baik dalam satu-satu sistem politik yang mulai bersifat kuku-besi, rasuah dan boros.

Kita tidak dapat meramalkan apa akan terjadi kepada raja-raja kelak. Yang jelas ialah tidak akan ada orang yang sepatutnya menerima kezaliman serta

keterlaluan raja-raja digantikan oleh kezaliman dan keterlaluan golongan lain pula. Perjuangan menentang kezaliman untuk menegakkan keadilan, membentekas kekoltan untuk menegakkan kemajuan, menghapuskan kemungkaran untuk mendirikan kemakrufan akan berterusan, sehinggalah yang hak menggantikan yang batil. Begitulah sejarah manusia.

## **RAJA-RAJA TOLAK KOD ETIKA CIPTAAN UMNO**

**P**ada 4 Julai 1992 Perisyntiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan telah dibuat oleh raja-raja. Sebagaimana yang ditegaskan dalam kenyataan Penyimpan Mohor Besar Raja-raja "Beberapa peristiwa yang berlaku baru-baru ini dan menjadi pengetahuan umum telah mendorong Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Pemerintah menyediakan Perisyntiharan yang di luar dugaan ini bagi menjelaskan salah tafsiran berkaitan kedudukan, status dan hak keistimewaan... raja-raja..."

Beberapa perkara tersirat dalam kenyataan tersurat Penyimpan Mohor Besar ini. Pertama, Kod Etika Perilaku Raja-raja yang mula-mula sekali dicadangkan oleh UMNO ditolak; khabarnya ditolak ketika kali pertama Datuk Seri Anwar dan rombongannya pergi mengadap. Kedua, Perisyntiharan ini disediakan oleh raja-raja sendiri secara bersama dan kemudian baru dipersetujui oleh wakil-wakil Kerajaan. Ketiga, ada salah tafsiran yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu tentang kedudukan, status dan hak keistimewaan raja-raja dan tujuan Perisyntiharan ialah untuk membetulkannya.

### **KOD DITOLAK**

Memang sesuailah Kod Etika yang asal ditolak. Tidak ada sebab mengapa raja-raja saja memerlukannya. Mengapa tidak untuk para menteri dan pegawai tinggi

Kerajaan juga? Selepas kod ditolak, Perdana Menteri mengumumkan Perisyiharan Raja-raja mengambil tempatnya. Oleh kerana tidak semua raja berkenan, maka tidak sesuailah menggelarnya Perisyiharan Raja-raja. Jadi nama inipun ditolak juga.

Nama yang akhirnya digunakan, iaitu Perisyiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan tampaknya lebih tepat. Tidak semua sembilan sultan perkenan dengan Perisyiharan ini; sultan-sultan Kelantan, Johor dan Kedah menolaknya. Lima orang sultan tidak menghadiri majlis tandatangan, termasuk sultan Selangor dan Terengganu.

## TIADA YANG BARU

Perisyiharan ditandatangani oleh Penyimpan Mohor Engku Ibrahim Engku Ngah. Peristiwa yang digambar-gemburkan sebelum ini meleset. Mahathir dan Anwar tidak ada sebab untuk menari kegembiraan. Segalanya sudah senyap sepi sekarang. Tetapi masalah lama, luka lama, masih ada.

Sebenarnya, Perisyiharan ini tidak mengandungi apa-apa yang baru atau mengejutkan. Kata-kata pembukaan dalam Perisyiharan menegaskan Perkara 71 dan 181 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 71 menjamin hak raja-raja di negerinya dan Perkara 181 menekankan tentang kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa raja-raja.

Setiap satu daripada 10 perkara dalam Perisyiharan ini adalah berdasarkan amalan, konvensyen ataupun Perlembagaan. Ia hanya menjelaskan secara tertulis segala yang memang sudah termaktub dalam Perlembagaan. Para pemimpin UMNO dan Kerajaan tidak boleh berkakok bahawa mereka sudah berjaya meletakkan asas-asas kod perilaku baru yang boleh mengikat atau menjadi panduan kepada raja-raja.

## BERNIAGA

Satu perkara besar yang diungkit-ungkit selalu oleh para pemimpin UMNO ialah tentang penglibatan raja-raja dalam perniagaan dan politik. Ada dua sebab setengah raja-raja terlibat dengan kedua-dua kegiatan ini. Pertama, mereka tidak mematuhi konvensyen atau Perlembagaan yang memang sudah ada. Kedua, penglibatan mereka sering direstui atau digalakkan sendiri oleh pemimpin-pemimpin parti pemerintah dan kerajaan. Jikalau hendak dipersalahkan, kedua-dua pihak boleh dipersalahkan.

Lihat saja soal perniagaan. Tidak ada tegahan Perlembagaan terhadap penglibatan raja-raja dalam perniagaan, cuma konvensyen saja. Pihak kerajaan tidak mempunyai kesanggupan untuk mempastikan amalan ini ditamatkan. Bahkan semasa krisis dengan raja-raja berkemuncak, Menteri Rafidah Aziz, tentu sekali dengan persetujuan Perdana Menteri, menawarkan saham-saham Telekom dan Tenaga Nasional kepada raja-raja. Bukankah ini mengajak mereka terlibat dengan perniagaan namanya?

Sekarang, Perisyhtaran membolehkan raja-raja atau pemangku raja berniaga, asalkan melalui pemegang amanah. Menteri-menteripun boleh berniaga melalui pemegang amanah. Apakah perbezaannya? Selagi menteri-menteri tidak dapat mengawal diri sendiri, bagaimanakah mereka hendak mengawal raja-raja? Bagaimanakah periuk hendak mengatakan belanga hitam?

## BERPOLITIK

Begitu juga dengan penglibatan dalam politik. Perkara pertama sekali yang ditegaskan dalam Perisyhtaran

ialah "Selaras dengan amalan dan konvensyen, KITA tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan parti politik." Ini bukan tegahan, hanya pernyataan hakikat. Memanglah raja tidak terlibat dengan parti politik. Bagaimana jikalau mereka terlibat dengan politik parti, politik negeri atau politik Persekutuan?

Pada masa yang sudah-sudah kita sering melihat bagaimana sultan diseret oleh orang politik untuk terlibat dalam politik. Akhirnya ada sultan yang membuat ucapan menyokong parti atau kerajaan yang memerintah dan menyeru rakyat supaya mendukungnya. Salah siapakah ini? Bukankah perlu supaya orang politik sendiri ditegah daripada melibatkan sultan dengan politik?

Mendengar ucapan dan kenyataan setengah-setengah pemimpin UMNO, kita mendapat kesan seolah-olah mereka sudah tidak sabar lagi hendak menghapuskan sistem feudal dan pemerintahan beraja. Tetapi bagaimanakah mereka hendak berbuat demikian manakala pemimpin-pemimpin besar mereka sendiri sentiasa gembira dengan sikap feudal dan cara hidup feudal yang mereka hayati, dan sambutan feudal yang sering diberikan kepada mereka?

## GENDANG KOSONG

Jikalau benar mereka hendak membawa perubahan, mengapakah mereka tidak meminda Perlumbagaan? Bukankah mereka mempunyai majoriti dua-pertiga dalam Parlimen dan beberapa Dewan Negeri untuk membuat pindaan? Kami mencabar pemimpin-pemimpin UMNO supaya berbuat demikian. Hakikat bahawa mereka tidak berani meminda perlumbagaan menunjukkan dengan jelas bahawa mereka bukannya hendak membuat perubahan besar. Mereka hanya

hendak bercakap besar.

Sebenarnya pemimpin-pemimpin UMNO tidak berhajat untuk menghapuskan saki-baki feudal atau melenyapkan raja-raja. Gendang dan tambur kosong yang dipalu dalam Himpunan UMNO dan melalui media yang dikuasainya hanya untuk menimbulkan suasana saja. Tujuan mereka sebenarnya ialah untuk mempastikan sultan-sultan menyokong UMNO untuk menguatkan lagi UMNO. Hanya sultan yang tidak menyokong saja yang menjadi sasaran kritik dan cemuhan pemimpin-pemimpin berlidah biawak dan bermuka dua.

*(Diterbitkan dalam Berita Rakyat bil. 6 Jil. 1, Julai 1992)*

## **PERGOLAKAN SEKITAR ISTANA PERKEMBANGAN MAJU**

**P**arlimen telah menempa sejarah pada 10 Disember 1992. Sembilan puluh orang anggota parlimen dari parti pemerintah dan parti pembangkang sebulat suara menyokong usul yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, mengecam peristiwa Douglas Gomez dipukul oleh sultan Johor.

Ekoran dari itu, parlimen akan mengadakan sidang khas untuk meminda perlembagaan, khususnya artikel 181 (2), supaya raja boleh dihadapkan ke mahkamah sekiranya dituduh melakukan jenayah. Sekarang ini, dengan artikel yang sama, raja tidak boleh didakwa kerana mempunyai kekebalan (immunity) undang-undang.

### **DUA RINTANGAN**

Ada dua rintangan yang perlu diatasi sebelum pindaan ini dapat dikuatkuasakan. Pertama, pindaan perlembagaan memerlukan persetujuan dua pertiga daripada seluruh anggota parlimen, ataupun 120 daripada 180 yang ada sekarang. Semasa usul Ghafar Baba diterima, cuma 61 orang anggota hadir dan mengundi. Ke manakah yang separuh lagi pergi? Adakah mereka tidak mahu melibatkan diri?

Kerajaan memang sudah mempunyai majoriti dua pertiga dalam parlimen. Sekiranya tidak disokong oleh parti pembangkang pun ia berkebolehan untuk

meluluskan pindaan perlembagaan. Yang perlu ialah untuk memastikan setiap anggota parlimen daripada parti-parti pemerintah hadir dan mengundi. Dalam perkara ini anggota-anggota dari parti pembangkang akan menyokong kerajaan. Jadi, rintangan pertama mudah saja boleh diatasi.

Rintangan kedua ialah artikel 38 (4). Mengikut artikel ini apa-apa pindaan perlembagaan yang menyentuh kedudukan atau keistimewaan raja hendaklah dikemukakan kepada Majlis Raja-raja untuk kelulusannya. Bagaimana jikalau Majlis ini tidak bersetuju? Lebih buruk lagi, bagaimana seandainya Yang Di-Pertuan Agong tidak mahu menandatanganinya? Sebagaimana kita ketahui, undang-undang yang diluluskan oleh parlimen hanya berkuatkuasa setelah Agong menurunkan tandatangan.

Rintangan inilah yang menimbulkan keperluan supaya artikel 38 (4) juga dipinda atau dibatalkan. Sekiranya seluruh artikel ini dibatalkan besar kemungkinan ramai raja yang akan menolaknya. Akan tetapi jika pindaan dibuat supaya menyatakan secara khusus ia tidak termasuk kebebasan melakukan jenayah (seperti memukul atau membunuh orang), tidak ada alasan bagi Majlis Raja-raja menolaknya. Tentu sekali membunuh dan memukul tidak termasuk dalam takrif yang dimaksudkan dalam artikel 38 (4) itu.

Saya yakin Parlimen dalam sidang khasnya nanti akan meluluskan pindaan ke atas artikel 181 (2) dan 38 (4). Selepas itu, tiada asas untuk meragui persetujuan daripada Yang Di-pertuan Agong. Walaupun seandainya baginda tidak berkenan menurunkan tanda tangan - dan ini mustahil boleh berlaku - mengikut kedudukan perlembagaan sekarang, mana-mana undang-undang yang tidak ditandatangani oleh Agong dengan sendirinya akan berkuatkuasa selepas 30 hari.

Pindaan perlembagaan ini kecil saja, walaupun ertinya sangat besar. Ia bertujuan semata-mata untuk memastikan bahawa tidak siapa, walau raja sekalipun, lebih tinggi kedudukannya daripada undang-undang, khususnya berkaitan tingkah laku keterlaluan, khususnya kezaliman yang berbentuk jenayah. Bukanlah matlamatnya hendak menghapuskan raja dan menggantikannya dengan presiden dalam satu sistem republik.

## PERUBAHAN SEMASA PENJAJAHAN

Sebenarnya, dalam perjalanan sejarah negeri ini, institusi dan kedudukan raja Melayu sudah melalui banyak perubahan. Kemuncuk kedudukan raja Melayu tercapai dalam abad ke-15 di Melaka. Ketika itu daerah kekuasaan raja meliputi banyak kawasan, tidak terbatas hanya kepada Semenanjung akan tetapi menjangkau ke beberapa kawasan dalam Nusantara. Raja mempunyai kuasa yang agak mutlak ke atas kawasan negeri dan jajahan takluknya.

Akan tetapi, selepas Melaka jatuh di tangan Portugis dalam tahun 1511 banyak negeri kecil-kecil muncul, masing-masing mempunyai rajanya sendiri. Setengah daripada raja ini keluarga daripada raja Melaka yang sudah jatuh dan setengahnya pula raja atau pembesar yang sebelumnya berlindung di bawah payung raja Melaka.

Walaupun raja-raja ini memerintah negeri-negeri yang lebih kecil, namun mereka terus mempunyai kuasa yang besar ke atas kawasan atau jajahan yang diperintahnya. Banyak kuasa dalam berbagai-bagai bidang bertumpu kepada raja. Dalam masyarakat tradisional ini, raja atau sultan mempunyai kuasa mutlak dalam bidang politik; baginda bertindak di atas keputusan ataupun kehendaknya sendiri.

Raja berhak ke atas segala sumber kekayaan dan boleh memungut serta menyimpan hasil mahsul atau cukai untuk faedah sendiri. Raja mempunyai angakatan perang, pengiring serta hulubalangnya. Raja juga berkuasa ke atas undang-undang dan boleh menjatuhkan hukum. Bahkan ada kalanya raja pernah merampas harta dan anak isteri orang.

Selepas penjajahan Inggeris bertapak kukuh di negeri ini, kedudukan raja berubah dan sebagian besar daripada kuasanya terhakis. Inggeris telah menurunkan atau membuang negeri raja yang tidak disukainya, seperti yang pernah berlaku di Perak. Kadang-kadang mereka merestui tindakan membuang daerah pewaris sah singahsana raja, seperti yang pernah dialami di Johor. Inggeris mengambil alih sebagian besar kuasa raja. Peranan yang dulu dimainkan oleh raja dikurang atau dibataskan.

Penjajah British telah menuahkan berbagai-bagai jabatan serta melantik ramai pegawai, untuk mengambil alih daripada raja segala urusan yang bersabit dengan pentadbiran negeri, kehakiman serta undang-undang, kewangan serta pungutan hasil-mahsul, penjagaan keamanan serta keselamatan, dan lain-lain. Dalam pada itu British mempastikan kedudukan raja yang disokongnya bertambah kukuh, sekurang-kurangnya sebagai lambang.

Akhirnya, peranan raja tinggal sebagai lambang kedaulatan saja, dengan kuasanya terbatas hanya ke atas adat istiadat Melayu dan agama Islam. Selepas Perang Dunia II, Inggeris cuba membentuk Malayan Union dan menghapuskan raja-raja. Wakil kerajaan Inggeris, MacMichael, berjaya mendapatkan tandatangan beberapa orang raja, menyetujui supaya taraf mereka diturunkan.

Akan tetapi orang Melayu, pada masa itu di bawah pimpinan UMNO, bangun menentangnya. Pada tahun 1948, Perjanjian Persekutuan termeterai di antara Mahkota Inggeris dengan raja-raja Melayu. Dengan itu kedudukan serta peranan raja, sebagaimana yang wujud sehingga hari ini, telah diasaskan.

## PERUBAHAN DI ZAMAN MERDEKA

Semasa perjuangan rakyat menuntut kemerdekaan, ada pihak istana yang menyokongnya. Bahkan ada yang diketahui menyokong bukan saja perjuangan UMNO, akan tetapi perjuangan PKMM (Parti Kebangsaan Melayu Malaya) juga. Sebaliknya ada pula yang menentang, atas alasan kononnya rakyat belum bersedia lagi; tidak pandai membuat jarum apatah lagi hendak membina kapal.

Di setengah-setengah negara, seperti India dan Indonesia, ramai raja yang diketahui bekerjasama dengan piak Inggeris atau Belanda, menjadi korban di tangan rakyat yang menuntut kemerdekaan. Ada pula yang cuma dipaksa turun dari takhta. Beserta pencapaian kemerdekaan, sistem raja pun dihapuskan dan sistem republik ditegakkan.

Di negeri kita nasib raja lebih baik. Kedudukan mereka dipulihkan pada tahun 1948, atas desakan rakyat, selepas Inggeris cuba menurunkan mereka. Bahkan wakil raja-raja telah dibawa menyertai rombongan yang dipimpin oleh Tengku Abdul Rahman untuk merundingkan kemerdekaan di London pada tahun 1957. Selepas Merdeka kedudukan raja diperlakukan. Sistem memilih seorang Yang Di-pertuan Agong dari kalangan mereka lima tahun sekali juga diperkenalkan. Ini sistem yang paling unik dalam dunia. Konsep raja berperlembagaan diperkenalkan. Secara

mudah konsep ini membawa erti bahawa raja memerintah mengikut Perlembagaan. Perlembagaan menentukan hak, kuasa dan tanggungjawab raja. Berdasarkan konsep ini, kedudukan raja terletak lebih tinggi daripada undang-undang. Baginda sepatutnya tidak boleh terlibat dengan urusan pemerintahan, apatah lagi dengan politik parti. Segala tindakannya berhubung hal-ehwal negaraan atau kenegerian harus berpandu kepada nasihat yang diberikan oleh Kerajan melalui Perdana Menteri ataupun Menteri Besar.

## ELIT LAMA DAN BARU

Dalam zaman kemerdekaan berbagai-bagi perubaan berlaku. Di antaranya, golongan raja mulai mengambil bahagian yang cergas dalam bidang perniagaan serta perusahaan. Dengan menggunakan kedudukan yang istimewa, mereka dapat mempastikan agar diberi keutamaan untuk mendapat sumber kekayaan negeri, mislannya balak. Raja juga menjadi saluran kepada setengah-setengah usahawan serta pemodal untuk mendapat peluang ekonomi, yang tidak dapat mereka perolehi melalui saluran lain. Selain itu, raja juga mulai campur tangan dalam pentadbiran negeri, khususnya apabila mereka menghendaki apa-apa peluang istimewa.

Pada masa yang sama, di kalangan orang Melayu sendiri muncul pemimpin-pemimpin politik yang dipilih rakyat untuk memerintah negeri dan Persekutuan. Ada di antara mereka mengalami berbagai-bagi kesulitan untuk menjalankan urusan memerintah dan mentadbir oleh kerana bermacam-macam tekanan atau campur tangan daripada raja. Selain itu pemimpin politik yang berkuasa ini serta orang-orang di sekeliling mereka juga cuba mendapatkan peluang-peluang istimewa untuk mendapatkan sumber kekayaan yang sama. Maka muncullah golongan korporat.

Persaingan, dan kadang-kadang perebutan, mula berlaku di antara elit lama (atau tradisional) dengan elit baru (atau moden), untuk mendapatkan pengaruh serta kuasa ekonomi dan politik. Yang penting sekali di kalangan elit lama ialah raja, manakala di kalangan elita baru pula ialah para pemimpin pemerintah. Ada di antara pemimpin-pemimpin yang mempunyai hubungan rapat dengan korporat besar, bahkan ada yang sendiri menjadi korporat besar.

Sekarang ini pemimpin politik serta korporat sudah muncul sebagai golongan dalam masyarakat yang mempunyai kekuatan serta keyakinan diri untuk menghadapi raja. Di Perancis, China dan Mesir, misalnya, pertentangan kepentingan elit baru dengan raja, disertai oleh tingkah laku raja yang zalim dan membazir dan kemelaratan rakyat, mengakibatkan institusi raja dihapuskan. Akan tetapi kita mungkin tidak akan sampai ke peringkat itu.

Akan tetapi, dalam beberapa tahun kebelakangan ini beberapa peristiwa telah berlaku, yang membuktikan wujudnya perbezaan pendapat, bahkan pertelingkahan, di antara raja dengan pemimpin politik. Hal ini berlaku di peringkat negeri dan juga peringkat negara.

## BEBERAPA PERISTIWA

Di Pahang, pernah berlaku satu pertentangan hebat di antara Menteri Besar dengan raja. Puncanya ialah keengganan Menteri Besar itu memberikan peruntukan wang dan balak yang diminta oleh Sultan, kerana beliau tidak memikirkannya wajar. Sultan berjaya menggunakan kuasa serta pengaruhnya sehingga Menteri Besar tersebut terpaksa meletakkan jawatan.

Barangkali perbezaan paling serius berlaku manakala tercetus krisis perlombagaan dalam tahun

1983, yang melibatkan pucuk pimpinan Pusat dengan raja-raja. Krisis itu berpunca daripada cadangan pemerintah hendak meminda Perlembagaan, antaranya mengenai peruntukan bahawa undang-undang hendaklah diperkenankan dahulu oleh Agong sebelum ia boleh dikuatkuasakan. Cubaan meminda perlembagaan ini ditentang kuat oleh sebahagian besar rakyat dan juga raja. Itu sebabnya ia tidak dapat diteruskan sepenuhnya.

Setelah UMNO diharamkan, dua golongan muncul masing-masing mendakwa mewakili UMNO, dan akibatnya masyarakat Melayu bertambah berpecah. Bahkan raja-raja pun berpecah; ada yang menyokong pemimpin Kerajaan dan ada yang menentangnya. Selepas itu kita melihat dengan jelas penglibatan raja dengan politik, termasuk politik parti. Akan tetapi penglibatan ini secara halus dan tidak begitu ketara. Namun demikian, ada juga satu dua orang raja yang secara terbuka menyeru supaya rakyat menyokong parti pemerintah.

Selepas pilihanraya yang lalu, banyak pendapat serta kecaman t disuarakan terhadap peranan yang dimainkan oleh beberapa orang raja dalam politik. Dalam perhimpunan UMNO pada tahun 1991, ramai perwakilan yang menyatakan rasa keciwa sebab ada raja yang dikatakan menentang pimpinan UMNO dan pemerintah B.N. Misalnya, di Kelantan, ada yang meletakkan punca kekalahan BN di negeri itu semata-mata pada peranan Sultan. Pada hal, semua pihak tahu sebenarnya banyak faktor-faktor lain yang menyebabkannya.

Ekoran dari keputusan yang diambil dalam perhimpunan ini, perundingan telah diadakan di antara pemimpin-pemimpin pemerintah dengan raja-raja. Tujuannya untuk menyediakan garis panduan bagi menentukan batas-batas penglibatan raja dan kerabat mereka dalam bidang politik dan ekonomi.

Hasilnya ialah Perisyiharan Raja-raja, yang disetujui oleh lima orang raja dan ditandatangani bagi pihak mereka oleh Penyimpan Mohor Raja-raja. Pada asasnya perisyiharan ini cuma menegaskan semula apa yang memang sudah sedia tercatit dalam perlembagaan negara, tidak lebih dari itu.

## KRISIS SEKITAR ISTANA JOHOR

Sekarang ini satu lagi krisis melanda, kali ini melibatkan Sultan Johor. Baginda ini memang terkenal dengan sifat bengis dan suka menyiksa. Ramai orang yang telah dipukulnya, bahkan ada yang sampai mati. Sebanyak 23 kejadian penyiksaan yang dilakukannya, sejak sebelum jadi raja lagi, telah disenaraikan. Akan tetapi hampir semua kejadian didiamkan saja.

Akhirnya, bangkai gajah tidak boleh ditutup dengan nyiru. Khabarnya, Perdana Menteri tidak dapat lagi menahan kemarahannya, apabila Douglas Gomez telah dipukul oleh baginda di istana Bukit Serene. Sebelum itu, dalam bulan Julai 1992, anaknya Tengku Bendahara memukul seorang penjaga gol pasukan hoki Perak. Kemarahan ini dirasai juga oleh sebahagian besar rakyat.

Banyak pihak meluahkan perasaan benci dan menceritakan pengalaman pahit mereka. Orang dan media tidak lagi merasa takut kepada konsep tradisional yang dikenal sebagai "derhaka kepada raja". Mereka juga tidak mempedulikan Akta Menghasut yang melarang kedudukan raja dipersoalkan. Nyata sekali sikap masyarakat sudah berubah.

Peristiwa terbaru inilah yang sekarang membuka peluang kepada pemerintah untuk memindah Perlembagaan, yang sudah lama tidak berjaya dilakukannya. Walaupun pindaan ini nanti akan menjelaskan kedudukan serta keistimewaan raja, namun, sebagaimana yang

ditegaskan oleh Ghafar Baba, kerajaan tidak berura-ura samase kali hendak menghapuskan sistem raja berperlembagaan. Bahkan ia berazam mempertahankan-nya.

Memang tidak mungkin UMNO menghapuskan sistem raja berperlembagaan. Dari sejarah kita melihat bahawa UMNOlah yang telah mempertahankan kedudukan raja semasa ia hendak dihapuskan oleh British dalam tahun 1946. UMNO juga telah menanam semangat dan kepercayaan yang mendalam di kalangan orang Melayu bahawa raja itu merupakan lambang kedaulatan serta ketuanan orang Melayu. Sekiranya UMNO cuba menghapuskan institusi raja, maka ia boleh dituduh sebagai menyeleweng daripada perjuangan asalnya.

Walau apapun yang akan berlaku, peristiwa yang bergolak di sekitar istana Johor kini, sangat besar ertinya dan bersejarah. Mahathir telah menyeru supaya rakyat jangan terbelenggu oleh rasa takut. Memang benar bahawa jika rakyat ingin menjadi besar dan maju mereka mesti mengikis sifat takut dan jiwa hamba. Kita harap selepas pengalaman ini rakyat akan lebih berani bersuara, dan jika perlu, bertindak menentang apa saja bentuk tekanan, ugutan dan kezaliman.

Langkah untuk meminda artikel-artikel tertentu dalam perlembagaan merupakan langkah yang maju (atau progresif). Kesalahan jenayah dan kezaliman tidak boleh didiamkan begitu saja dan mesti dibawa ke muka pengadilan. Ini bukan terbatas kepada orang yang tidak disukai semata-mata. Bahkan ia harus meliputi siapa saja yang melakukan jenayah, kezaliman dan kemungkar, tidak kira pangkat, kekudukan serta kuasa mereka. Pintu telah mula terbuka untuk meneruskan tradisi yang baik ini.

(Disiarkan dalam Berita Harian, 19 Disember 1992)

## **BEBERAPA PERSOALAN BESAR BERHUBUNG PINDAAN PERLEMBAGAAN**

**A**l-Malik Farouk, semasa dalam buangan selepas diturunkan dari takhta, berikutan revolusi Mesir dalam tahun lima puluhan, membuat ramalan menarik. Beliau meramalkan bahawa pada suatu ketika nanti akan tinggal hanya lima orang raja dalam dunia. Empat ialah raja-raja daun terup, iaitu raja kelawar, raja retin, raja lekuk dan raja sekopong, manakala yang kelima ialah Raja England.

Sekiranya Farouk masih hidup, mungkin ia terperanjat bahawa kini kedudukan Raja England pun sudah mulai tergugat. Surat khabar Inggeris tidak henti-henti mengkritiknya serta anggota keluarganya. Bermacam-macam skandal di sekitar mereka dibongkar. Walaupun ramai yang menganggapnya masih popular, namun sudah ada anggota Parlimen Inggeris yang berani secara terang-terangan mengusulkan supaya institusi raja England itu dihapuskan saja.

Barangkali semasa membuat ramalan Farouk tidak begitu mengetahui tentang kedudukan raja-raja Melayu. Saya tidak pernah mengiranya, akan tetapi selalu dikatakan bahawa dalam dunia pada ketika ini terdapat hampir 30 orang raja yang masih menduduki takhta. Sepertiga daripadanya bersemayam di sembilan buah negeri dalam Semenanjung Melayu.

Di sini kita sudah mulai mendengar bisik-bisik sebilangan orang yang menyatakan bahawa mereka tidak mahukan raja lagi. Ada pula yang membisikkan bahawa mereka tidak mahu menghapuskan semua. Sembilan raja terlalu ramai. Cukuplah, sekiranya perlu, dengan seorang saja. Masalahnya, bagaimakah hendak menentukan yang seorang itu, dan apa cara hendak melakukannya selagi negara berbentuk Persekutuan?

Walau apapun niat dan harapan mereka ini, namun yang nyata ialah wujud sekarang dua golongan yang secara lantang menyuarakan dua pandangan yang berbeza. Golongan pertama menyatakan mereka tidak berniat menghapuskan institusi raja, akan tetapi mereka cuma hendak meminda perlumbagaan untuk menghapuskan kekebalan (imuniti) raja dari segi undang-undang. Yang kedua mempertahankan kedudukan raja yang sedia ada dan tidak mahu pindaan perlumbagaan itu dibuat, oleh kerana mereka yakin ia akhirnya boleh membuka jalan untuk menghapuskan raja sama sekali.

Persamaan di antara kedua-dua golongan ini ialah mereka mahukan raja. Perbezaan pandangan mereka ialah mengenai kedudukan kuasa serta keistimewaan raja. Yang satu mahukan supaya kedudukan ini, sebagaimana termaktub dalam perlumbagaan sekarang, dipinda sesuai dengan kehendak zaman. Kata mereka, pindaan ini perlu untuk mengelak daripada berulang lagi peristiwa-peristiwa melibatkan raja, yang berlaku pada masa-masa kebelakangan ini.

Golongan satu lagi bimbang pindaan ini akibatnya akan menghapuskan sistem beraja dan menggantinya dengan sistem republik. Mereka berpendapat banyak bukti menunjukkan ramai presiden lebih zalim, curang dan boros daripada raja yang mereka gantikan, sehingga mereka dibenci rakyat dan ada yang akhirnya digulingkan. Apa yang mereka lupa ialah mengikut perbilangan

adat raja yang zalim perlu disanggah, dan mengikut ajaran Islam kezaliman oleh sesiapapun, tidak kira apa bentuknya, hendaklah ditentang.

Untuk bersikap adil kepada pihak yang mempelopori pindaan perlembagaan kini, perlu ditegaskan bahawa tidak ada tanda nyata bahawa mereka hendak menghapuskan institusi raja pada masa ini. Para pemimpin mereka menegaskan bahawa yang hendak dilakukan semata-mata untuk memindahkan perlembagaan saja. Sebaliknya adil juga jika pihak yang lain mempersoalkan mengapa baru sekarang tindakan hendak diambil dan apakah muslihat sebenar di sebaliknya.

Kita tidak mengetahui hakikat sebenarnya tentang sikap rakyat ramai terhadap raja, oleh kerana tidak ada kajian secara ilmiah yang dilakukan mengenainya, khusus di kampung-kampung. Yang kita tahu ialah UMNO, yang menjadi tiang seri kerajaan sekarang, dibentuk antara lainnya untuk mempertahankan kedudukan raja-raja Melayu, berikutan usaha hendak menurunkan mereka, sekaligus dengan pembentukan Malayan Union selepas Perang Dunia Kedua.

Saya percaya masih ramai anggota dan penyokong UMNO yang beranggapan bahawa raja Melayu itu melambangkan kedaulatan dan kuasa orang Melayu. Inilah yang bertubi-tubi ditanam dalam fikiran mereka sejak zaman penjajahan membawalah kepada zaman kemerdekaan. Tidak mudah menghilangkan anggapan ini daripada benak mereka, walaupun beberapa media cetak dan elektronik memainkan peranan cergas untuk menghapuskannya.

Pendirian mereka ini disokong kuat terutama sekali oleh golongan terbesar dalam Semangat 46. Mereka ini penuh keimbangan bahawa sekiranya raja Melayu hapus maka dengan sendirinya akan hapuslah kedaulatan dan ketuanan Melayu. Semangat 46 menganggap

dirinya sebagai pewaris sah UMNO asal; maka dari segi politik mereka merasakan penting untuk meneruskan tradisi UMNO asal itu. Mereka tidak memandang UMNO itu sejati lagi sekiranya ia meninggalkan pendirian asal sebagai pembela raja-raja Melayu, yang dianggap serupa sebagai pembela orang Melayu.

Selain itu ada satu golongan lagi yang kuat menyokong kedudukan raja. Walaupun ada orang Melayu, akan tetapi sebilangan besar daripada mereka terdiri daripada orang bukan-Melayu. Melalui hubungan baik dengan raja kebanyakan mereka mendapat taraf sosial tinggi, dengan menerima anugerah kebesaran, dan mendapat peluang ekonomi baik, seperti konsesi balak. Mereka biasanya tidak mendapat peluang yang dikehendaki melalui saluran kerajaan atau parti politik, dan dengan demikian bergantung nasib kepada raja.

Sebaliknya, mereka selalunya melayan kehendak serta selera raja dengan memberi bermacam-macam hadiah dan rasuah. Mereka takut sekiranya raja tiada lagi ataupun kedudukannya sudah dibataskan, maka segala keistimewaan yang mereka nikmati akan hilang. Mereka memandang raja itu sebagai satu institusi yang boleh membendung semangat kemajuan serta kebebasan rakyat jelata, khususnya dari kalangan Melayu. Mereka bimbang sekiranya kedudukan raja menjadi terlalu lemah, dan rakyat jelata bertambah kuat kuasa atau pengaruhnya, maka kedudukan mereka pun akan terancam.

Walau apapun sikap dan tindakan golongan-golongan yang mempertahankan "status quo" (keadaan sedia) ini, namun pihak pemerintah nampaknya berazam penuh untuk meminda perlembagaan. Mereka muh menghapuskan kekebalan raja dari segi undang-undang. Dengan demikian raja-raja boleh diletakkan di bawah undang-undang dan didakwa jika lalu melakukan

kesalahan. Penyokong-penyokong pindaan perlembagaan menyatakan bahawa konsep kekebalan ini diperkenalkan oleh penjajah; seterusnya mereka berkata Islam tidak meletakkan sesiapa, walau raja sekalipun lebih tinggi daripada hukum Allah.

Pihak yang menentang pindaan berhujah bahawa kekebalan bukan wujud pada raja saja, bahkan pada golongan diplomat juga. Mereka menegaskan kerajaan sendiripun mempunyai kekebalan kerana tidak boleh dicabar dalam mahkamah apabila menahan seseorang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ataupun mengambil tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah. Selain itu ada pula pemimpin kerajaan yang memperkosa wanita dan terlibat dengan pengeluaran pita video lucu yang diselamatkan oleh Peguam Negara apabila segala pita yang hendak dikemukakan sebagai bukti dimusnahkan.

Mengikut mereka, sekiranya semua ini boleh berlaku, mengapakah raja tidak boleh mempunyai kekebalan undang-undang? Perlu diingat bahawa diplomat yang tidak dingini boleh dihantar pulang dan diumumkan "persona non-grata" (orang yang tidak diingini). Lagi pula, jikalau wujud kezaliman ataupun kesalahan di satu tempat, tidak bererti kita harus membenarkannya di tempat lain. Dua kezaliman tidak menjadikan satu keadilan. Saya sendiri berpendapat bahawa apabila kekebalan raja dihapuskan, maka perlulah dimansuhkan segala kekebalan lain, yang masih diamalkan mengikut apa saja undang-undang yang zalim.

Perkara meminda kedudukan raja ini bukanlah satu perkara yang baru. Dalam zaman penjajah dulu pelbagai langkah telah diambil untuk menyekat kuasa raja. Bahkan di banyak negeri yang pernah dijajah, tindakan lebih besar diambil. Misalnya, ada raja atau

pembesar yang tidak disukai penjajah diturunkan dan digantikan dengan mereka yang disukai. Akibatnya, setengah-setengah daripada raja yang memerintah sekarang bukannya daripada keturunan mereka yang berhak mewarisi takhta. Di negera inipun, perkara yang serupa pernah berlaku. Itu sebabnya penjajah Jepun mudah saja mengganti setengah-setengah raja yang diangkat oleh penjajah Inggeris dengan yang mereka suka sendiri.

Sekarang ini kita bukan dalam zaman penjajah. Memang lebih sulit bagi kerajaan hendak meminda kedudukan raja. Kesulitan timbul bukan saja kerana ada golongan yang menentang pindaan itu, bahkan perlembagaan dan undang-undang sendiri mengandungi peraturan-peraturan yang memberikan kuasa serta keistimewaan yang besar kepada raja. Di samping itu ia menetapkan syarat-syarat yang menyulitkan proses pindaan perlembagaan untuk mengubah kedudukan raja.

Salah satu syarat ini termaktub dalam perkara 38 (4) Perlembagaan Malaysia, yang menetapkan bahawa segala pindaan terhadap kedudukan dan keistimewaan raja hendaklah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja. Berita angin bertiup kencang bahawa mungkin majoriti raja-raja akan menentang pindaan perkara 181 (2) menegenai kekebalan raja. Adakah Kerajaan akan terpaksa meminda perkara 38 (4) sekiranya raja-raja menolak pindaan perkara 181 (2) itu? Beberapa orang peguam berpendapat bahawa pindaan 38 (4) tidak perlu mendapat persetujuan Majlis Raja-raja. Akan tetapi pendapat ini dipertikai oleh peguam-peguam lain.

Saya tidak hendak pergi kepada soal undang-undang, oleh kerana bukannya seorang pakar mengenainya. Saya hanya berpendapat bahawa langkah untuk meminda kekebalan raja-raja dari segi undang-undang itu adalah satu langkah penting dan maju (progresif).

Akan tetapi, di samping itu, saya juga berpendapat bahawa banyak amalan yang sudah lapuk berhubung dengan kedudukan raja serta menghinakan martabat rakyat sebagai manusia perlu juga dihapuskan.

Pertamanya ialah bahasa istana yang lazim digunakan. Memang dalam banyak masyarakat feudal, terutama sekali di Timur terdapat dua bahasa, satu untuk raja dan satu lagi untuk rakyat. Di negeri ini, sebahagian daripada bahasa yang digunakan untuk raja sangat menghinakan taraf manusia. Ambil saja beberapa perkataan, seperti "patik", "duli" dan "sembah".

"Patik" berti "hamba tebusan" ataupun kadang-kadang "anjing". Mengapakah rakyat perlu menganggap dirinya sebegini rendah di hadapan raja? "Duli" pula ertinya "tapak kaki". Mengapa kita harus berkali-kali "memohon ampun" dan "menjunjung duli" atau tapak kaki raja apabila berbahasa dengannya? Begitu juga dengan "sembah". Sepatutnya yang kita "sembah" hanya Allah. Ketika menyembah Allah kita menggunakan "Engkau-aku" dan tidak pernah menjunjung duli.

Masanya sudah sampai untuk mengubah semua ini. Memang benar bahawa perubahan bahasa tidak boleh dilakukan dengan undang-undang. Akan tetapi amalan menggunakan bahasa yang menghinakan manusia ini boleh diperhentikan secara amalan. Pemimpin-pemimpin kerajaan sendiri boleh memulakan dengan teladan mereka.

Perkara kedua berhubung dengan adat-istiadat. Bermacam-macam adat-istiadat yang membazir diadakan untuk mengadakan berbagai-bagai sambutan diraja dengan perbelanjaan yang membazir. Malangnya, banyak daripada upacara ini sudah ditiru pula untuk menyambut setengah-setengah pembesar negara yang dipilih oleh rakyat dan sepatutnya mewakili mereka. Sebelum amalan ini melarat menjadi kebiasaan, perlulah ia dikaji semula, dan sekiranya munasabah, hendaklah

dikurangkan kalaupun ia tidak disekat sama sekali.

Dalam setengah-setengah upacara adat, pembesar atau rakyat biasa terpaksa menghesut-hesut sambil menyembah berkali-kali. Mengapa tidak mencukupi tunduk sedikit saja ataupun mengangkat dua tangan ke dahi saja sebagai tanda hormat? Kesan amalan adat ini, dengan diperkuuhkan oleh penggunaan bahasa yang diterangkan di atas, boleh menimbulkan psikologi yang buruk di kalangan rakyat.

Hal ini membawa kita kepada perkara ketiga. Memang sudah menjadi kebiasaan bagi raja atau pemerintah meminta taat-setia yang tidak berbelah bagi daripada rakyat. Seharusnya taat-setia bertempat dan tidak diberikan secara membabi buta. Pada zaman-zaman yang lampau konsep "taat-setia" dikaitkan pula dengan "derhaka". Raja tidak boleh ditentang atau dilawan kerana itu dianggap perbuatan derhaka. Akibatnya, timbul psikologi takut dan terlalu merendahkan diri di kalangan rakyat. Maka timbulah apa yang dikatakan sebagai "jiwa hamba".

Yang menjadi penyakit sekarang ini ialah perasaan takut, rendah diri dan jiwa hamba telah menjalar pula di kalangan rakyat terhadap pembesar-pembesar negara yang baru. Mereka ditambah besarkan dengan bermacam pangkat dan gelaran, seperti Tun, Tan Seri, Datuk dan Datuk Seri. Mereka bukan saja menuntut supaya diberikan penghormatan. Bahkan mereka menggunakan kedudukan mereka untuk mengaut berbagai-bagai peluang kekayaan. Sedikit sekali mereka yang menunjukkan sifat timbang rasa atau kasih sayang terhadap rakyat yang rendah kedudukannya, terutama yang miskin dan susah. Watak seperti ini digambarkan dengan jelas dalam nobel "Patriarch" oleh Shahnon Ahmad.

Psikologi jiwa hamba dan takut kepada mereka yang

berpangkat tinggi sangat meluas sekarang ini dan perlu dikikis. Ia merupakan saki-baki budaya feudal. Ia boleh menyekat kemajuan. Sekiranya kita mahukan negara ini berkembang dan rakyat maju, maka perubahan psikologi hendaklah dilakukan. Rakyat hendaklah dibebaskan daripada fikiran, kepercayaan dan sikap yang membekukan mereka. Rakyat juga perlu diberikan kebebasan menyuarakan pandangan mereka walaupun yang bertentangan. Tidak adil bagi suara kita saja yang dibesarkan, akan tetapi suara orang lain yang tidak kita setujui disekat dengan kuasa yang ada pada kita. Dari segi inilah revolusi mental masih perlu lagi.

Sebagai kesimpulan, saya tidak membantah golongan yang mahukan raja sebagai lambang kedaulatan negara dan perpaduan rakyat. Akan tetapi lambang ini, sebagai lambang, tidak harus mempunyai kuasa dan keistimewaan yang berlebihan sehingga mereka bebas bertindak zalim, misalnya, tanpa boleh didakwa. Bukan raja sahaja, bahkan siapa saja yang mempunyai kuasa dan kedudukan tinggi tidak berhak berlaku zalim ke atas manusia lain. Mereka harus disanggah sekiranya menyalahgunakan kuasa.

Kita memang perlu meminda perlumbagaan untuk membataskan kuasa dan keistimewaan raja. Akan tetapi tidak kurang pentingnya kita menghapuskan dalam masyarakat berbagai bentuk saki-baki feudal yang sudah lapuk, seperti bahasa, adat istiadat dan psikologi yang menimbulkan jiwa hamba. Hanya dengan demikian baru boleh kita menghadapi abad ke-21 dengan penuh kepercayaan diri untuk mencapai pembangunan negara dan kemajuan rakyat yang tulen.

(Diterbitkan oleh Utusan Malaysia, 5hb Januari 1993)

